



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



ISSN : 0128-1593

Ulasan Buku IPG

JILID 1

ULASAN BUKU IPG

JILID 1/2016

Pusat Penyelidikan Pembangunan dan Inovasi
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan oleh:

PENERBIT IPG KPM

Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel : 03-83126666
Faks : 03-83126655
Web : <http://www.moe.gov.my>

ISSN 0128-1593

Terbitan Tahunan

© Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia 2016

Semua hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia terlebih dahulu.

Cetakan Pertama
Ogos 2016

SIDANG REDAKSI

Penaung

Dr. AZIAN T.S. ABDULLAH
Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Penasihat I

Dr. NORIATI BINTI A. RASHID
Timbalan Rektor, IPGM

Penasihat II

Dr. RUSMINI KU AHMAD
Pengarah
Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi IPGM

Ketua Editor & Grafik

Pn. NORSITA ALI
Penyelaras Unit Penerbitan IPGM

Editor

Dr. NOORABEERAH SAFARRUDIN
IPG Kampus Bahasa Melayu

Pn. HAJAR NORDIN
IPG Kampus Pendidikan Islam

KATA ALU-ALUAN REKTOR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sehati Sejiwa.

Puji-pujian bagi Allah Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurnia-Nya penerbitan ‘Ulasan Buku IPG Jilid 1’ ini dapat direalisasikan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang editor atas usaha murni yang dilakukan untuk menerbitkan ‘Ulasan Buku IPG’ ini. Tidak lupa juga kepada penyumbang artikel ulasan buku yang terdiri daripada para pensyarah IPG yang berkongsi pengisian daripada buku yang telah dibaca.

Harapan saya adalah agar warga IPG terus meluangkan masa untuk membaca dan berkongsi bahan pembacaan dalam bentuk ulasan buku bagi membolehkan lebih ramai mendapat manfaatnya. Ini bukan sahaja dapat mendorong orang lain untuk membaca buku tersebut, malah dapat menarik minat pembaca untuk meningkatkan budaya membaca bahan berkualiti dan bermanfaat dalam kalangan warga IPG. Saya juga berharap agar sidang redaksi akan meneruskan usaha menerbitkan ‘Ulasan Buku IPG’ pada masa akan datang supaya segala maklumat dan ilmu yang terkumpul dapat disebar luaskan dan dikongsi bersama dengan warga IPG dan masyarakat umum keseluruhannya.

Akhir kata, ‘Ulasan Buku IPG Jilid 1’ ini menjadi wadah dan khazanah IPG yang amat bernilai untuk santapan minda dan rujukan dalam meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam kalangan warga pendidik semua.

Sekian, terima kasih.

Dr. Azian T. S. Abdullah
Rektor IPGM

WADAH KETUA EDITOR

‘Ulasan Buku IPG Jilid 1’ ini merupakan himpunan ulasan buku oleh para pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dari seluruh Malaysia. Himpunan ulasan buku ini diterbitkan supaya maklumat dan ilmu yang terkandung dalam buku-buku yang telah dibaca dapat disebar luas dan dikongsi bersama dengan para pendidik dan masyarakat umum. Di samping mempromosikan bahan-bahan bacaan yang berkualiti, ‘Ulasan Buku IPG’ ini dapat meningkatkan minat pembaca untuk membeli dan membaca terutama buku-buku yang telah diulas.



Ucapan tahniah dan terima kasih ditujukan kepada para penyumbang ulasan buku atas usaha untuk berkongsi pengalaman dan bahan bacaan yang berkualiti dan bermanfaat. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para editor dan penilai yang telah meluangkan masa berbengkel sebanyak tiga siri untuk merealisasikan penerbitan ini agar dapat dikongsi bersama dengan warga IPG khususnya, dan seluruh masyarakat amnya.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar lebih ramai lagi pensyarah yang akan menyumbang ulasan buku mereka untuk terbitan-terbitan seterusnya. Ulasan Buku ini juga diharap dapat menyumbangkan ilmu, serta berfungsi sebagai sumber rujukan dan pemangkin kepada para pensyarah untuk meluangkan lebih banyak masa membaca dan seterusnya meningkatkan budaya membaca bahan yang berkualiti dan bermanfaat.

Sekian, terima kasih.

Pn. Norsita Ali

Penyelaras Unit Penerbitan

Pusat Penyelidikan Pembangunan & Inovasi IPGM

KANDUNGAN

Sidang Redaksi	ii
Kata Alu-Aluan	iii
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia	iii
Wadah Ketua editor	iv
• Mudahnya Menulis Buku <i>Awang Lokey & Dr. Azhar bin Mohd Ali</i>	1
• Penyelidikan Tindakan <i>Dr. Su Chooi Hong & Dr. Azhar bin Mohd Ali</i>	4
• Kemahiran Menulis <i>Dr. Tan Cheng Im</i>	7
• <i>Travels in the Malaysian Rainforest</i> <i>Norlida Mohd Jalaludin</i>	10
• Kepimpinan Instruksional: Satu Panduan Praktikal <i>Alias bin Sidek & Salmah binti Othman</i>	13
• “ <i>ATOMS IN THE FAMILY</i> ” <i>My Life with Enrico Fermi</i> <i>Amani binti Abdullah Mubarak</i>	16
• <i>The ABCs of Evaluation</i> <i>Dr. Norfadhilah binti Nasrudin</i>	22
• Hikayat Budak PhD: Bukti Anak Melayu Cemerlang <i>Norhafizah binti Sapuan</i>	26
• Didiklah dari Hati <i>Dr. Roslina Suratnu</i>	29
• <i>The Science of Success</i> <i>Datin Thusha Rani Rajendra</i>	33
• Biografi Ulama Malaysia Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari (Mufassir Islah Penerus Zaman) <i>Mohd. Razimi bin Husin</i>	36

● Tamadun Islam dan Tamadun Asia <i>Nornajwa Ghazali</i>	40
● Mukmin Profesional: Celik Mata Hati <i>Dr. Norabeerah binti Saforrudin</i>	44
● Apabila Haiwan Menjadi Guru <i>Mohd. Azhar bin Ab. Rahman</i>	50
● <i>The Skillful Teacher</i> <i>Tan Jun Cheng</i>	52
● <i>Creative and Abstract – Painting Technique</i> <i>Che Yusoff b. Che Hasan</i>	55
● Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak <i>Pauzi bin Yusoff</i>	57
● Guru Sebagai Penyelidik <i>Ani Salwiah binti Zakaria</i>	61
● Undang-Undang untuk Pengetua & Guru Besar <i>Rodhiana binti Rosli</i>	64
● MALAYONESIA Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu <i>Yunus bin Yusof</i>	67
● <i>Improve Your Communication Skills</i> <i>Dr. Sarala @ Thulasi a/p Palpanadan</i>	71
● <i>Learning to Think Spatially</i> <i>Dr. Abdullah bin Abdul Rahman</i>	74
● Kembara ke Angkasa: Catatan Memoir Angkasawan Malaysia Pertama <i>Zainab binti Abd. Majid & Nor Sabrina Zulaika binti Abdul Malik</i>	76

Mudahnya Menulis Buku

Awang Lokey dan Dr. Azhar bin Mohd. Ali
(IPG Kampus Tuanku Bainun)



Pengarang : Dr. Noor Hayati Yasmin Nga Timin
Penerbit : True Wealth Sdn. Bhd.
Tahun : 2014

‘Mudahnya Menulis Buku’, begitulah tajuk buku yang diilhamkan oleh Dr. Noor Hayati Yasmin (2014). Buku yang berjumlah 260 halaman ini dimulakan dengan lapan halaman Pengenalan (angka roman): Bab satu sehingga bab sembilan, Penutup, Penghargaan dan Mengenai Pengarang. Tajuknya amat ringkas dan mudah difahami dan kulit bukunya dihiasi dengan ilustrasinya sebatang pena. Walaupun tajuk dan ilustrasi yang ringkas, namun ia memberi daya tarikan yang tersendiri buat pembaca untuk terus menyelongkar idea yang disampaikan oleh pengarang.

Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa ‘tak kenal maka tak cinta’. Begitulah halnya dengan tajuk buku ‘Mudahnya Menulis Buku’ ini. Apabila diselongkar jauh ke dalam, didapati ada satu keistimewaan meresap dalam sanubari pengulas. Daya tarikan yang amat kuat dan tidak membosankan menggerakkan minda untuk membaca sehingga ke halaman terakhir dalam tempoh yang singkat. Cara susunan isi kandungan buku, bahagian pengenalan dan halaman akhir ini berbeza dengan buku-buku yang lain. Bahagian pengenalan yang mengandungi lapan angka roman amat menarik dibaca kerana ia membongkar di sebalik rahsia kreativiti dan impian pengarang untuk berkarya. Seterusnya, buku ini diakhiri dengan bahagian penutup yang menceritakan tentang biodata diri pengarang yang tidak berputus asa untuk menghasilkan sebuah buku walaupun terdapat pelbagai kekangan masa kerja.

Pengulas amat kagum dengan kegigihan pengarang menghasilkan karya semenjak di bangku sekolah rendah tanpa mengenal penat dan jemu. Beliau berjaya menghasilkan karya dalam majalah 'Bujal' dan majalah 'Keluarga'. Impiannya untuk menghasilkan sebuah buku sambil mencatat namanya tidak kesampaian kerana beliau memberi tumpuan kepada pelajaran. Kegigihan beliau amat menyentuh hati kerana walaupun telah mempunyai kerjaya yang baik sebagai seorang doktor, namun beliau masih berusaha untuk menjadi seorang pengarang buku. Sementelahan lagi, beliau sibuk dengan profesion kedokteran dengan istilah *on call*, *emergency* dan lain-lain lagi tidak menghalang beliau untuk terus menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah buku. Fenomena seperti ini perlu diberi penghargaan kerana kesungguhan beliau perlu dicontohi oleh setiap insan yang lain. Dengan perkataan lain, semua orang boleh menjadi pengarang sekiranya mempunyai keazaman yang tinggi untuk menggapai impian terutamanya mereka yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang ilmu kemanusiaan.

Isi kandungan buku ini terdiri daripada sembilan bab. Walaupun ia menyampaikan perkara-perkara biasa tanpa rujukan ataupun bibliografi, namun isi kandungannya amat berkesan. Hal ini kerana segala fakta dan contoh yang diberikan sememangnya pernah berlaku dalam diri individu yang telah berjaya mencapai kejayaan dalam kehidupan. Pengarang banyak mengemukakan contoh-contoh orang yang berjaya dalam hidupnya seperti Adam Khoo dari Singapura (hal:7), Bill Gate (hal: 31), Syed Mokhtar Bukhari (hal:38) Donald J. Trump (hal: 45) dan lain-lain lagi. Jelaslah, buku ini memberi motivasi diri kepada pembaca bahawa kejayaan akan tercapai sekiranya kita bijak menggunakan peluang dan ruang serta minat dengan bersungguh-sungguh, maka kita akan mencapai kejayaan.

Selain itu, buku ini juga memberi pendedahan awal kepada insan yang mahu berjinak-jinak dalam bidang penulisan. Ramai orang yang bercita-cita untuk menjadi pengarang terbantut di tengah jalan kerana kurang motivasi dan patah semangat. Dengan membaca buku ini, contoh-contoh kejayaan yang diberikan oleh pengarang menambahkan semangat dan iltizam untuk menulis. Seseorang itu boleh menjadikan bidang penulisan sebagai satu bidang kerjaya yang boleh menjadikannya seorang jutawan. Sebagai contoh, Ernie J. Zelinski yang berjaya dalam menghasilkan buku *bestseller* seperti *The Joy of Not Working*, *Career Success Without A real Job* dan *How to Retire Happy, Wild and Free* (hal: 47). Contoh seterusnya, J. K. Rowling menjadi jutawan dengan hanya menulis buku (hal: 243) dan Jack Canfield memperoleh wang pendahuluan menulis buku melebihi RM1 juta sebelum beliau menulis buku (hal: 243). Tokoh yang dipilih oleh pengarang memberi pembaca perangsang untuk berkarya kerana jika buku kita laris di pasaran, maka royalti pun juga tinggi dan masa hadapan kita akan lebih cemerlang.

Pengulas mendapati bahawa pengarang mempunyai daya pujuk yang amat luar biasa kerana setelah selesai membaca buku tersebut, pengulas telah timbul keinginan untuk menjadi pengarang. Kebimbangan bahan tulisan tidak diterima oleh penerbit boleh dimanipulasikan dengan beberapa cara yang membolehkan produk kita relevan dalam kalangan khalayak. Walaupun bahan penulisan kita tidak popular, ia boleh ditukar ganti dengan produk-produk berbentuk penyampaian kursus, seminar dan program latihan ataupun ditukar dalam bentuk media yang lain. Misalnya, *Harry Potter*, *Twilight* dan 'Adam dan Hawa' yang telah difilemkan. Idea-idea daripada buku ditukarkan kepada barangan, produk audio, produk digital dan permainan seperti *Harry Potter Theme Park* (hal: 251). Semua contoh di atas telah membuka pemikiran pembaca untuk berfikir di luar kotak bagi menjana pendapatan tanpa mengharap royalti penulisan buku semata-mata.

Lebih menarik lagi, pengarang telah membina dua konsep yang jarang kita temui dalam mana-mana buku. Konsep yang pertama ialah cita-cita dan impian. Pada dasarnya, konsep itu sama sahaja tetapi pengarang mengatakan bahawa cita-cita itu berkaitan dengan kerjaya yang perlu setelah bertungkus lumus menimba ilmu. Manakala, impian pula adalah untuk mengisi jiwa yang kosong. Jika kekosongan ini telah diisi, barulah rasa puas dan nikmat yang tidak terkata dalam menjalani kehidupan ini. Impian ini akan terhasil sekiranya manusia itu sedar bahawa dia mempunyai kemahiran, kreativiti dan bersikap inovatif dalam kehidupannya. Biasanya, orang yang mempunyai cita-cita dan impian akan lebih berjaya dalam hidupnya kerana tidak statik, berani dan istilah berada dalam zon selesa tiada dalam pemikirannya.

Akhir sekali, buku ini amat bernilai dan patut diberi pujian kerana banyak menyenaraikan langkah-langkah berkesan untuk menjadi pengarang buku. Contohnya, langkah-langkah membuat proposal untuk dihantar kepada penerbit. Hal ini sangat penting kerana kesilapan membuat proposal akan menyebabkan kita menerima nasib malang dan impian kita untuk menghasilkan sebuah buku untuk tatapan umum tidak tercapai. Kadang-kadang, kesilapan kecil atau teknikal sahaja menyebabkan permohonan kita boleh ditolak oleh pihak penerbit.

Konklusinya, jangan berlengah lagi untuk ke pusat sumber, atau ke kedai buku untuk membeli buku yang bertajuk 'Mudahnya Menulis Buku' oleh Dr. Noorhayati Yasmin Nga Timin kerana ia sarat dengan pelbagai ilmu yang baharu yang perlu diketahui oleh pembaca khususnya yang ingin berjinak dalam dunia penulisan.

Penyelidikan Tindakan (教育行动研究)

Dr. Su Chooi Hong
Dr. Azhar bin Mohd. Ali
(IPG Kampus Tuanku Bainun)



Pengarang : Teh Tiam Kian, Khoo Eleen dan
Hii Yii Kiat
Penerbit : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
Tahun : 2015

Penyelidikan Tindakan adalah kursus yang ditawarkan kepada pelajar PISMP supaya pelajar dapat diberi pendedahan asas penyelidikan dengan menguasai kemahiran merancang, melaksana dan menulis kertas cadangan dan laporan penyelidikan tindakan. Seterusnya, telah menjadi satu amalan dan sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik yang juga pengarang untuk mendidik pelajar dan pembaca. Pelajar yang mempelajari kursus ini menggunakan bahasa kursus major masing-masing. Contohnya, bahasa Inggeris untuk kursus Major Pengajian Inggeris dan bahasa Cina untuk Kursus Major Pengajian Cina. Buku pengarang asing upamanya Creswell, Mills, McNiff dan sebagainya dijadikan rujukan asas dan rujukan tambahan. Bagi pelajar yang Major Pengajian Cina, buku rujukan hasil pengarang negara China dan Taiwan ini merupakan bahan rujukan utama untuk menyenangkan kefahaman dan penggunaan bahasa penyelidikan. Buku 'Penyelidikan Tindakan' ini merupakan buku rujukan bahasa Cina tempatan yang pertama. Dari segi reka bentuk, buku ini memang menarik kerana ilustrasi kulit bukunya cantik, saiz buku sesuai untuk simpanan dan ketebalan buku adalah sederhana iaitu 218 muka surat.

Dari segi isi kandungan, buku 'Penyelidikan Tindakan' ini ditulis berdasarkan topik-topik yang terkandung dalam Ringkasan Maklumat Kursus BCN 3113 (BCN3133-kod baharu). Topik-topiknya terdiri daripada pengenalan kepada kaedah penyelidikan dalam pendidikan, jenis penyelidikan, pengenalan kepada pelbagai jenis reka bentuk penyelidikan, prosedur penyelidikan,

penyelidikan tindakan dan penulisan laporan penyelidikan tindakan. Setiap topik ditulis dengan bahasa yang mudah difahami dengan ilustrasi/gambar dan contoh-contoh yang sesuai. Untuk topik 'Cara-Cara Pengumpulan Data', terdapat contoh-contoh senarai semak, penulisan diari, nota kerja lapangan, rekod pengajaran dan pembelajaran, borang pemerhatian, tugas murid, rakaman video/temubual, foto-foto dan lain-lain. Satu keistimewaan contoh tersebut adalah bahan-bahan dan dokumen pelajar IPG Kampus Tuanku Bainun semasa mereka melaksanakan kajian tindakan pada tahun lepas. Selain daripada itu, terdapat juga foto-foto pelajar IPGKTB di tepi pantai semasa menjalani program Bina Insan Guru pada tahun 2012. Foto-foto tersebut dapat mempamerkan proses pelajar membuat pemerhatian, pemikiran, dan kreativiti dalam penghasilan bentuk bunga masa depan (rujuk muka surat 106 dan 107). Bahan-bahan asli itu telah menambah nilai kepada buku 'Penyelidikan Tindakan' ini.


Buku ini juga merupakan buku rujukan yang sangat berguna untuk pensyarah dan pelajar Major bahasa Cina kerana beberapa sampel laporan kajian tindakan yang terpilih daripada pelajar Pengajian Cina diselitkan. Sampel-sampel tersebut adalah penyelidikan kajian tindakan berasaskan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Pulau Pinang. Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina seperti mendengar dan bertutur, membaca, mendengar dan menulis ditambahbaik dengan inovasi diri melalui kajian tindakan yang ditadbirkan selama dua semester semasa praktikum. Perkongsian proses, pengalaman dan cadangan kajian masa depan yang terkandung dalam kajian yang berbeza amat bermanfaat kepada bakal pengkaji yang ingin membuat kajian tentang aspek-aspek tertentu. Contohnya, pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan merupakan masalah yang amat mencabar bagi guru-guru yang berpengalaman mahupun tidak berpengalaman.

Ramai guru mendapati isi kandungan karangan murid-muridnya kurang tepat, padat dan menarik. Salah satu sebabnya ialah murid-murid tidak ada keinginan untuk menulis karangan dan menganggap penulisan karangan itu sangat membosankan dan ianya hanya satu kerja sekolah yang diarahkan guru. Dalam kajian Hong (2011), beliau menggunakan cara memerhati dan menghubungkaitkan maklumat yang terdapat dalam sekeping gambar dan hasil kajiannya menunjukkan murid-murid yang lemah kemahiran menulis kurang berkesan. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya pengarang menambah satu lagi langkah iaitu murid-murid mengalami dahulu, diikuti dengan memerhati dan menghubungkait. Selepas murid-murid mengalami sesuatu proses, mereka diminta meluahkan perasaan yang bernas dan jitu secara lisan sebelum menulis proses pengalaman dan perasaan mereka.

Satu lagi keistimewaan buku ini ialah dua ujian tentang Penyelidikan Kajian Tindakan diselitkan untuk menguji kefahaman pembaca. Ujian tersebut juga akan membantu pelajar menyediakan diri untuk menghadapi peperiksaan kursus tersebut. Jawapan kedua-dua ujian turut disertakan untuk semakan sendiri. Dari segi kolaboratif, buku ini adalah hasil kerjasama antara pensyarah dan pelajar IPGKTB. Sebagai pensyarah, pengarang telah menjadi teladan yang baik kerana beliau memberi peluang dan bimbingan kepada pelajarannya dalam penulisan buku akademik. Pelajar merupakan bakal pemimpin, sekiranya diberikan peluang dan pendedahan yang cukup, mereka akan memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan kepada dunia pendidikan. Pengulas mengucapkan syabas kepada ketiga-tiga pengarang buku ini dan mencadangkan agar buku ini dijadikan buku rujukan tambahan kursus BCN 3123.

Kemahiran Menulis

Dr. Tan Cheng Im
(IPG Kampus Tuanku Bainun)



Pengarang : Goh Ying Soon dan
Wan Mohd. Nazif Wan Mohd. Nori
Penerbit : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
Tahun : 2007

Penulisan merupakan satu cara berkomunikasi. Sesuatu penulisan itu perlu difahami oleh pembaca supaya mereka dapat menghayati tujuan penulisan. Kemahiran menulis adalah amat penting untuk memastikan komunikasi yang dilakukan adalah jelas, terang dan berkesan.

Terdapat 10 bab dalam buku ini. Bab satu adalah 'Bab Pengenalan' yang menekankan tentang hubungan pengurus atau eksekutif dengan penulisan serta kepentingan penulisan. Ini termasuklah mengenali pembaca bagi buku tersebut, sama ada mereka pembaca pakar, eksekutif, pembaca pengguna atau kombinasi, bagaimana menulis daripada perspektif pembaca, cara menggunakan gaya penulisan yang mudah difahami dan kosa kata yang mudah.

Bab dua mengupas tentang masalah-masalah yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas penulisan dilakukan serta kekangan yang dihadapi. Empat peringkat penulisan iaitu (i) merancang penulisan dengan cepat dan tanpa penangguhan, (ii) menyemak semula penulisan dari segi penggunaan kata dan tatabahasa, (iii) menyunting format penulisan mengikut format yang dikehendaki oleh institusi dan syarikat dan (iv) menjadi teladan bagi kakitangan bawahan dalam menghasilkan dokumen yang berkualiti.

Bab tiga mendedahkan tentang penggunaan bahasa dalam penulisan; kaedah memilih bahasa yang jelas, ringkas dan ekonomi serta penstrukturan bahasa yang jelas bagi menyempurnakan objektif penulisan. Bab ini menekankan

bahawa mesej yang disampaikan itu harus difahami oleh pembaca. Bab empat membincangkan tentang cara penstrukturan penulisan untuk memudahkan pemahaman pembaca. Pengarang haruslah jelas dengan format-format penulisan surat, memo dan e-mel. Bab lima membincangkan tentang kemahiran mengguna program aplikasi komputer untuk membantu mempercepatkan proses penulisan yang berkualiti.

Bab enam membincangkan cara penyusunan penulisan serta faktor penentu sama ada pembaca meneruskan pembacaan hingga ke ayat terakhir ataupun sebaliknya. Bab tujuh membincangkan dengan terperinci tentang kepentingan permulaan dan penutup yang baik. Kedua-dua bahagian ini biasanya menjadi masalah kepada mereka yang ingin menulis. Permulaan yang baik dapat menarik perhatian pembaca supaya terus membaca. Manakala, penutup yang baik dapat meninggalkan kesan yang lebih kekal kepada pembaca.

Bab lapan membincangkan tentang cara menulis arahan. Biasanya, arahan adalah berkaitan pematuhan dan hukuman. Kemahiran menulis arahan adalah penting kerana penulisan arahan yang tidak jelas akan mengelirukan pembaca dan menimbulkan salah faham serta ketegangan dalam syarikat. Kata kunci penulisan arahan adalah pendek dan mudah manakala arahan yang baik adalah arahan yang dapat diikuti. Bab sembilan membincangkan tentang penulisan kertas cadangan yang dapat menarik perhatian serta memberi impak yang besar kepada pembaca dan operasi syarikat. Manakala, Bab 10 mendedahkan tentang cara penulisan laporan berkala mengikut prinsip-prinsip yang disarankan. Penambahbaikan harus dibuat supaya laporan yang dihasilkan adalah laporan yang baik dan berkualiti.

Buku ini mempunyai 138 muka surat yang padat dengan panduan yang terperinci tentang kepentingan serta cara penulisan kepada mereka yang ingin menulis dengan jelas, betul dan efektif.

Menguasai kemahiran menulis dengan mengenali siapa pembaca supaya seorang pengurus atau eksekutif dapat menyesuaikan mesej penulisan yang ingin disampaikan mengikut tahap pemahaman para pembaca. Ia termasuklah umur, tahap pendidikan, jantina, bangsa dan agama, minat, pandangan, sikap, kepercayaan, nilai budaya dan pegangan hidup serta pengetahuan pembaca berkaitan topik yang ditulis. Perkara ini dapat mengelakkan daripada kesilapan yang tidak disengajakan.

Sebagai seorang pengurus atau eksekutif, penulisan yang dibuat biasanya lebih kepada menyampaikan maklumat dan bukannya untuk menunjukkan kehandalan menggunakan bahasa yang tinggi dan berbunga-bunga. Oleh itu, penulisan efektif harus menggunakan banyak bahasa positif serta gaya bahasa

yang betul, struktur yang jelas dan teratur. Elakkan daripada menggunakan frasa dan klise yang sukar difahami serta istilah teknikal yang terlampau banyak.


Buku ini telah membekalkan maklumat yang terperinci, jelas dan spesifik. Seperti yang dicadangkan dalam buku ini, bagi memastikan penulisan yang pantas dan efektif, seorang pengurus atau eksekutif harus menyenaraikan kerja-kerja penulisan yang perlu dilakukan mengikut keutamaan dan keperluan tindakan segera kerana mereka harus dapat membezakan antara tugas penulisan yang penting dan perlu mengambil tindakan yang segera dengan tugas yang kurang penting dan boleh dilakukan kemudian.

Sesuatu penulisan yang baik harus mempunyai keasliannya dan maklumat yang dimasukkan haruslah benar. Maklumat-maklumat yang dibekalkan perlu membantu pihak pengurusan dalam membuat penambahbaikan serta pertimbangan yang bermanfaat. Selain daripada kekuatan, pengarang harus mengenal pasti kelemahan dan risiko yang akan dihadapi serta membuat cadangan yang praktikal yang bukan sahaja memanfaatkan diri bahkan rakan sejawat dan juga syarikat.

Secara keseluruhannya, buku ini ditulis khas untuk pengurus atau eksekutif yang sentiasa mengejar masa. Kesilapan yang sering dilakukan oleh pengurus atau eksekutif adalah tidak menyiapkan kerja penulisannya dalam tempoh yang ditetapkan. Justeru, pengurus atau eksekutif harus mempunyai kemahiran menulis serta pengurusan diri dan pengurusan masa yang efektif. Buku ini dapat memberi panduan kepada mereka.

Travels in the Malaysia Rainforest

Norlida Mohd. Jalaludin
(IPG Kampus Tuanku Bainun)



Pengarang : Tan Teong Jin Nori
Penerbit : Blue Mountain Press Sdn. Bhd.
Tahun : 2006

Buku ini mempunyai 15 subtopik yang secara umumnya membincangkan tentang hutan hujan tropika di Malaysia termasuklah pengalaman pengembaraan pengarang. Tajuk tersebut membuatkan pengulas tertarik untuk membeli buku ini bagi melihat isi kandungannya dengan lebih terperinci.

Kandungannya menarik perhatian pengulas apabila pengarang bukan sahaja menceritakan pengalaman pengembaraan beliau di Hutan Gunung Tahan, Hutan Endau-Rompin dan Hutan Belum tetapi beliau juga menceritakan tentang rahsia serta legenda yang mempunyai perkaitan dengan hutan hujan tropika Malaysia. Selain daripada itu, pengarang juga menyelitkan kehidupan suku kaum Asli yang berkait rapat dengan hutan.

Banyak nilai murni yang diselitkan oleh pengarang, antaranya ialah menghargai dan menyayangi alam sekitar dan melihat kebesaran Tuhan dalam penciptaan alam yang sungguh indah serta unik. Di samping itu, nilai saling menghormati antara kaum dan menyayangi semua makhluk Tuhan juga dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat pembaca.

Bab bermula dengan informasi tentang khazanah hutan yang kaya dengan pelbagai flora dan fauna. Terdapat 2398 spesis pokok, 600 spesis unggas dan 200 spesis haiwan. Hutan hujan tropika bukan sahaja kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan yang boleh dimakan, dijadikan ubatan bahkan juga menjadi tempat tinggal kuasa ghaib (*supernatural*).

Pengarang juga membincangkan tentang masyarakat orang asli yang terdiri daripada tiga subkumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Hutan memainkan peranan penting dalam kehidupan Orang Asli termasuk proses perubatan. Hubungan hutan dengan masyarakat orang asli adalah akrab, justeru mereka sangat menghormati hutan persekitaran. Hutan bukan sahaja membekalkan sumber keperluan bahkan membantu mengekalkan identiti etnik mereka. Penghormatan kepada hutan persekitaran berkait rapat dengan sistem kepercayaan masyarakat Orang Asli. Penyakit yang dihadapi juga datangnya daripada roh tertentu dari hutan persekitaran.

Kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia dilitupi oleh hutan rimba sehingga tahun 1950-an. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, banyak kawasan hutan diteroka untuk tujuan pembangunan. Antara hutan liar di Semenanjung Malaysia ialah kawasan gunung dan bukit di utara Pahang serta di bahagian atas negeri Kelantan. Taman Negara merupakan hutan tertua yang kaya dengan tumbuhan yang besar dan belukar yang agak banyak.

Taman Negara merangkumi rupa bumi bermula dari puncak Gunung Tahan yang banyak bukit dan rabung sehingga ke lembah sungai di kedua-dua belah kawasan Semenanjung Malaysia. Kawasan taman ini mempunyai keluasan 4834 kilometer persegi dan menjadi kawasan pemuliharaan. Orang Asli daripada subkumpulan Negrito iaitu Batek menghuni kawasan Taman Negara. Di samping itu, Taman Negara juga dikaitkan dengan legenda Mat Kilau. Mat Kilau merupakan pahlawan dari negeri Pahang yang bangun memberontak terhadap campur tangan British dalam *Pahang War* pada tahun 1892.

Pengarang juga turut menceritakan peristiwa-peristiwa lain yang berkaitan dengan hutan. Antaranya, kemasukan tentera Jepun di Kelantan yang melalui banjaran Tahan untuk sampai ke Pahang dan seterusnya menawan Pekan (ibu negeri Pahang). Pelbagai jenis flora dan fauna juga terdapat di kawasan hutan banjaran Tahan. Kawasan banjaran Gunung Tahan juga mempunyai pelbagai cerita misteri.

Subtopik *Tackling the Mountain* menceritakan tentang pengalaman pengarang dalam ekspedisi beliau ke Gunung Tahan. Menurut beliau, ahli ekspedisi terpaksa mengharungi Sungai Tahan yang penuh dengan jeram. Selain daripada itu, ahli ekspedisi juga mengalami kekejangan otot terutama pada waktu pagi. Keadaan semakin sukar pada waktu hujan kerana denai menjadi basah dan licin. Setelah mengharungi sungai, akhirnya mereka sampai di Kuala Teku yang mempunyai ketinggian sebanyak 120 meter dari paras laut.

Seterusnya, mereka memanjat gunung untuk sampai ke *Wray's Camp* yang mempunyai bonggol yang panjang dan dilingkungi dengan hutan tebal. Ahli ekspedisi juga terpaksa menempuhi *Skeat's Ridge* untuk sampai ke puncak Gunung Tahan. *Skeat's Ridge* dinamakan bersempena dengan nama William Walter Skeat Ridge yang telah mengembara untuk sampai ke puncak Gunung Tahan. Namun begitu, hasrat beliau tidak tercapai apabila beliau mengalami kemerosotan kesihatan yang serius. Semangat kental ahli ekspedisi mengharungi pelbagai cabaran membuah hasil. Akhirnya, mereka sampai di kemuncak Gunung Tahan.

Pengarang turut mengembara ke Hutan Endau-Rompin dan Hutan Belum. Di kedua-dua hutan ini, ahli ekspedisi juga terpaksa mengharungi kawasan jeram di Sungai Endau. Pengembaraan diteruskan ke Gunung Janing yang dipercayai oleh suku kaum Asli sebagai kawasan 'keras'. 'Keras' bermaksud tidak baik kerana ada penunggu (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2007). Suku kaum Asli yang menghuni kawasan pinggir Taman Negara Endau-Rompin dan di sekitar tebing Sungai Endau ialah Orang Hulu dan Jakun. Kedua-dua suku kaum ini masih mengekalkan dan terikat dengan sistem kepercayaan tradisional mereka. Mereka mempunyai ikatan yang kuat dan kukuh dengan alam persekitaran (hutan).

Di Hutan Belum, pengarang menceritakan pengalaman dan rahsia yang terdapat di hutan tersebut. Hutan Belum bukan sahaja terkenal dengan hidupan haiwan bahkan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di situ terutamanya *Rafflesia*. Hutan ini juga menjadi tarikan pelancong. Suku kaum Jahai mendiami kawasan hutan ini dan pelbagai pantang larang serta adat resam turut diceritakan oleh pengarang.

Pada pendapat pengulas, buku ini sesuai dibaca oleh pelbagai lapisan masyarakat. Walaupun tidak menjurus topik pendidikan, buku ini dapat mendidik pembaca dari aspek pengetahuan. Pembaca dapat mengetahui tentang hutan, flora, fauna, sejarah dan juga kehidupan golongan minoriti di Malaysia. Selain daripada itu, terdapat pengajaran yang boleh dijadikan sebagai panduan hidup, seperti kita hendaklah menyayangi dan menghargai alam sekitar. Selain daripada itu, aspek sahsiah turut ditonjolkan oleh pengarang. Kecekalan dan ketabahan pengarang menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dapat menjadi teladan.

Kepimpinan Instruksional: Satu Panduan Praktikal

Alias bin Sidek
Salmah bt Othman
(IPG Kampus Darulaman)



Pengarang : James Ang Jit Eng dan
Balasandran Ramiah
Penerbit : PTS Media Group Sdn. Bhd.
Tahun : 2013

Buku ini berperanan sebagai panduan yang membolehkan para pembaca dan pelaksana kurikulum memahami peranan seseorang pemimpin kurikulum dan instruksional di sekolah dengan lebih mudah. Berbeza dengan buku kepimpinan yang lain, buku ini ditulis dari perspektif dan pendekatan instruksional.

Buku ini terhasil daripada pengemblengan pemikiran dan penulisan tiga orang pensyarah Institut Aminuddin Baki (IAB) iaitu Dr. James Ang, Dr. Balasandran dan Pn. Junaidah Jamil serta dibantu oleh seorang pengarang jemputan, Dr. Razianna Abdul Rahman dari *English Language Teaching Centre* (ELTC). Buku ini mengandungi lapan bab, iaitu:

- Bab 1: Kepimpinan Instruksional: Satu Pengenalan
- Bab 2: Mendefinisikan Misi Sekolah
- Bab 3: Memantau Pencapaian Murid
- Bab 4: Mengurus Program Instruksional
- Bab 5: Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran
- Bab 6: Pembangunan Profesional Guru
- Bab 7: Pentaksiran Pembelajaran
- Bab 8: Strategi Pelan Pembangunan Sekolah

Menelusuri tajuk-tajuk yang dimuatkan dalam buku ini, ternyata kandungannya begitu sesuai untuk para pembaca memahami tentang peranan dan tugas seorang pemimpin kurikulum dan instruksional di sekolah. Corak penulisan yang menekankan kebolegunaan dijalin pula dengan gaya bahasa yang kemas akan memudahkan pembaca memahami isi kandungan dan seterusnya mengamalkan perkara-perkara yang disarankan. Tambahan lagi, instrumen-instrumen yang dilampirkan dalam setiap bab membolehkan pembaca membuat penilaian sendiri. Perkara-perkara yang dibincangkan dan seterusnya mengambil tindakan susulan yang wajar.

Dalam bab satu, pembaca diperjelaskan tentang peranan pemimpin instruksional dan pemimpin kurikulum yang mempunyai maksud dan fokus yang berbeza. Pengarang turut memperjelaskan tentang tiga model kepimpinan instruksional iaitu Model Hallinger dan Murphy (1985), Model Murphy (1990) dan Model Weber (1996) supaya pembaca mendapat gambaran lebih komprehensif tentang tugas-tugas pemimpin instruksional.

Bab dua pula memberi pemahaman yang jelas tentang bisnes teras sekolah serta cabaran-cabaran dalam merealisasikan misi dan visi sekolah. Dengan memahami tugas dan tanggungjawab ini, fokus utama pemimpin instruksional iaitu proses pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian akademik murid serta usaha ke arah pembangunan staf dan murid dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Bab tiga adalah berkaitan dengan memantau pencapaian murid. Pembaca dapat memahami dengan jelas tentang konsep memantau pencapaian murid berdasarkan data penilaian murid dan kepentingan pemimpin melakukan proses instruksional ini. Hal-hal yang berkaitan dengan *Key Performance Indicator* (KPI) akademik murid dan langkah-langkah dalam menentukannya juga diperincikan. Beberapa proses instruksional lain seperti penyeliaan guru, pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan serta aktiviti pembangunan profesional turut diperjelaskan.


Bab empat pula menghuraikan tentang gaya pengajaran guru dan pembelajaran murid yang amat berguna kepada seseorang pemimpin instruksional bagi membolehkan mereka meningkatkan kemampuan mengintegrasikan keperluan kedua-dua aspek ini ke arah pencapaian misi sekolah. Selain daripada strategi pengajaran, kepentingan melindungi waktu pengajaran juga diperjelaskan. Hal ini penting untuk difahami memandangkan strategi pengajaran yang unggul sahaja belum mampu meningkatkan pembelajaran murid sekiranya terdapat sebahagian masa pembelajaran murid diganggu ekoran kelemahan dalam mengawal tingkah laku murid, guru dan sebagainya.

Bab lima membincangkan tentang tugas penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang menjadi salah satu aktiviti utama di sekolah merangkumi kepentingan kemahiran penyeliaan dan isu-isu yang kerap dihadapi sewaktu melaksanakan tugas ini. Bab enam pula memfokuskan kepada fungsi pembangunan profesionalisme guru yang berperanan menangani kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti semasa proses penyeliaan dijalankan. Bab tujuh memperjelaskan tentang aspek pentaksiran pembelajaran murid termasuk cara membuat *post-mortem* yang betul di samping tindakan-tindakan susulan lain. Dalam bab terakhir iaitu yang kelapan, pembaca didedahkan tentang langkah-langkah konkrit yang boleh diambil oleh pemimpin instruksional dalam usaha merangka strategi pembangunan sekolah yang sesuai.

Secara keseluruhannya, buku ‘Kepimpinan Instruksional: Satu Panduan Praktikal’ ini wajib dibaca bukan sahaja oleh kalangan pemimpin instruksional, tetapi juga oleh semua guru bagi membolehkan mereka memahami dengan jelas tentang tugas dan peranan masing-masing kerana tanpa kefahaman yang jitu dan gandingan padu semua pihak, misi dan visi sekolah sukar dicapai. Pengulas percaya selepas membaca buku ini, pemimpin sekolah akan terus melaksanakan tugasnya di sekolah dengan cekap dan berkesan.

Atoms In The Family (*My Life with Enrico Fermi*)

Amani binti Abdullah Mubarak
(IPG Kampus Darulaman)



Pengarang : Laura Fermi
Penerbit : The University of Chicago Press
Tahun : 1954

This book is about the relation between science and society, nature and humanity and also science and politic. The author, Laura was the wife of Enrico who was famously known as the father of the atomic bomb. Enrico Fermi was a supremely talented scientist of the twentieth century. Perhaps, he was the only scientist who was uniquely accomplished both experimental and theoretical physics. Enrico contributed massively to almost every branch of modern physics and almost any one of his discoveries would have been enough to win him a Nobel Prize in 1938. In this book, his wife Laura Fermi affectionately and engagingly told the readers the story of this singular individual and his all-consuming passion for physics. As an author who obtained her Bachelor of Science degree from the University of Rome, she tried to examine the high-energy physics group who worked in the university's laboratory. As in the eyes of a scientist's wife, she described their work which mostly done in great secrecy, at the fastest pace while being pressed by the urgency of their aim to develop atomic weapons to fight the Second World War and how she felt when she was left alone most of her time.

Laura published this book about her life with Enrico, 'Atoms in the Family' on the same year when Enrico died of stomach cancer while she, herself died in 1977. She was an author and also an environmental activist. In 1955, she was invited to give a speech at an international conference on the peaceful uses of the atom. Other than this book, she was also the author for 'Illustrious Immigrants:

the Intellectual Migration from Europe'. 'Atoms in the Family' is divided into two parts which are Italy and America that tell us about the emigration of Fermi's family from Italy to America. The book was written in the genre of a memoir. The commentator would review the book into five important details which are childhood life, family values and religion, the invention- the lab work, their migration from Italy to America and the last part which is the end of the Second World War.

Education, self-discipline and hard work are three important elements in one's life. Laura was able to write her view about life in this book very impressively. She told the readers that Fermi came from a peasant family, but the grandfather, Stefano was first to abandon the job and inculcated good self discipline in the family. He entered the service of the Duke of Parma and obtained the position of county secretary. Laura recounted Enrico's childhood and background, including his taking refuge in physics after a personal tragedy in which his brother who was also his best friend, Giulio, died when he was 15. After this incident, Enrico's life trajectory was set. He spent most of his time studying mathematics and physics from books he bought from the flea-market. The book that interests him most was the book written by Father Andrea Carafa, S.J., a Jesuit physicist which was published in 1840. Laura portrayed that the green technology of recycling goods has been practiced in her society long ago in the effort of appreciating the writing pieces of the previous authors. Those pieces were not abandoned but were made available to the public to continue reading and exploring the knowledge. Eventhough they were not rich, they would still be able to access to the information or knowledge from the nearby flea-market with affordable prices. These could be the reasons of why the Europeans were advanced in knowledge and technology at that time in comparison to other societies in other continents of the world. This was mainly because the knowledge was made to be easily accessible. The knowledge was later used as a tool of problems solving in their daily life.

Laura also described Enrico as different from any other young boys of his age. These extraordinary behaviours could be the indicators to mothers with young children who act differently. Those are the signs that their children would grow up to be scientists. Enrico's characteristics showed that he would rather spend most of his time reading books on natural sciences. Most of the books were heavy factual scientific books. His curiosity about nature led him to read more books and explore the games that were related to certain concepts of natural science especially physics. He would examine the mechanical parts of the games and tried to find answers for the behaviors. His inquisitive about objects that spin made him repeated his observations for so many times in order to get the most logical answer to fit his curiosity. Another weird characteristic of Enrico was that he liked to

make friends with elderly people. At that time, his father's colleague, Amidei was his peer in solving mathematics problems. Amidei discovered that Enrico had an extraordinary IQ when he, himself was unable to solve the complex mathematical questions but Enrico did. Amidei was the one who insisted Enrico's family to send him to Pisa to pursue his study after knowing his credible potential in academic. Then, he was off to the Scuola Normale Superiore (University of Pisa) at the young age of 17. The university where Galileo Galilee did his experiment about falling objects. After four years studying at the University of Pisa, he was awarded with a doctorate in physics in 1922. Laura did not mention about his doctoral thesis. This could be because it was not that essential to her. From the reading, it was found that his research was basically on experimental work that he had conducted on X-rays. For the next several years, he worked with some of the greatest physicists in Europe, including Max Born (Physicist) and Paul Ehrenfest (Mathematician), while teaching at the University of Florence and then at the University of Rome. He quickly rose through the ranks to become a Professor of Physics at Rome University at the age of 25 years old. His adulthood excellent was embryonic from his childhood activities. Therefore, this part could be with a famous quote from Aristotle, 'We are what we repeatedly do. Excellent is not an action, it is a habit'.

Fermi married Laura Capon on 19 July 1928. Laura described Enrico as a confident, sturdy, self-reliant and responsible young man. On their wedding day, Enrico was late and was the last person to reach the wedding ceremony but he remained calm. Laura mentioned this on page 55. This implies that he had a strong mind and was not influenced by emotion; he could still remain calm and collected and never instruct other people to solve his personal matters. He would still react rationally eventhough when he was under a big pressure. He was not only comprehended the scientific values, but also practiced the values in solving the problem he faced.

The setting of the story would change according to the plot mentioned in the book; the one that the commentator most fond of is the description at the Alps. Reading this book is just like watching a movie. Laura was able to describe the nature of the mountain-sites with great scenery just like watching National Geography series. Her writing showed that she was an artistic, observant, sensitive with the environment and was not really able to relate natural phenomenon with scientific equation.

As a wife, Laura had become the most supportive individual in Enrico's profession. Eventhough she was not good in physics, she would jot down notes as practiced by Enrico when he was in the process of making a textbook of physics. Some physicists' wives believe that their husbands love physics better than them and they may have a point. Laura described her frustration when she wanted to go

to the movies, but Enrico had a ‘date’ with a series of laboratory experiments. Laura concluded that a scientist’s wife should be independent, strong in spirit, always think positive towards her husband’s job and should be able to accommodate herself with benefits and good activities whenever was left alone at home. The opposite qualities of both husband and wife had completed them. Mutual regard and good understanding, as mentioned in those examples will preserve a marriage. To be happy, one must learn to make compromises with each other. They had one daughter, Nella who was born on 31 January 1931 and one son, Giulio who was born on 16 February 1936.

In most parts of the book, Laura described Enrico as a rational man, very subjective, knowledgeable, gifted and talented. Enrico had an amazing power of thinking before talking, weighing his words with care, never stating a fact unless he was more than sure of it. In Malaysia, a similar example would be Tan Sri Zety Akhtar; eventhough she is not a scientist, she is very careful and cautious with the statements she made as to ensure that those statements are true, accurate and supported with valid resources.

Laura had made an attempt to make most of this book useful to non-scientists as well as scientists. Laura describes the invention conducted by Enrico in a simple and comprehensive language; thus, attracted the commentator to continue reading this old piece of work till the end.

Most of the experiments to bombard the neutron to the elements were conducted by trial and errors. Enrico had tested the elements from the Periodic Table according to the ascending mass numbers. His work on neutron physics was recognized in 1938 when he received the Nobel Prize for physics.

Publishing findings to the public is one of the scientific practices by most of the scientists. By doing so, the knowledge could be shared, expand and grow in a larger scale. In 1934, Enrico carried out his most important work on the artificial radioactivity produced by neutrons. He published this in *Radioattività indotta dal bombardamento di neutron* (1934) and in further papers ‘Artificial Radioactivity Produced By Neutron Bombardment’ (1934 and 1935) in the ‘Proceedings of the Royal Society of London and on The Absorption And Diffusion Of Slow Neutrons’ (1936). A part from publishing journals, a scientist should also share the knowledge to the younger generation by becoming a mentor or a supervisor to the students. To the commentator, Enrico is a gifted and talented man, his intuition was extremely high. Intuition is a kind of mental telepathy which is supernatural.

The discovery of the properties of slow neutrons was the key discovery in neutron physics. This work led to the discovery of nuclear fission and other

scientists were able to use his results to create new elements. Enrico's most famous work of that period was his 1933 theory of nuclear beta decay. One thing about this discovery of artificial radioactive was made into industrial application. This team was advised by their advisor, Carbinio to patent their discovery eventhough it was a rare practice at that time. This shows that this team was very advanced in thinking in order to protect the discovery from being exploited or misused by other countries which were in critical political situations during that time. By doing so, nobody could steal the copyright of their invention which was an intellectual property of that country.

Another scientific practice discussed in this book is making predictions. Laura shared how Enrico was very good at making predictions. His ability to think and make predictions was always appreciated by the other scientists and the American government. He was then appointed to be the leader of the uranium project. The project was to be carried out at the University of Chicago with many groups, including Enrico's group at Columbia, being brought together. This was not greatly to Enrico's liking for a number of reasons. First, he was very happy at Columbia University. Second, it made him more of an administrator and less of a scientist, and third, once the United States was at war with Italy, Italians were classed as 'enemy aliens' and severe travel restrictions within America were imposed. Laura mentions that they had destroyed most of the family pictures taken when they were in Italy during the Mussolini rule in order to free themselves from FBI investigation. However, the difficulties were overcome and by the summer of 1942 Enrico was in Chicago. On 2 December 1942, the team, headed by Enrico, achieved the first controlled release of nuclear energy - it is probably not an understatement to say that a new era had begun.

In 1944, Enrico became an American citizen and in that year, he began to take a full part in the Los Alamos project to build a bomb. Even after his acceptance of a professorship of physics at the University of Chicago at the close of the war, he continued to work in an advisory capacity for the Atomic Energy Commission. In chapter 18 to 20, Laura described her feeling when she first discovered about the project, which was conducted for almost five years without her knowledge. The secret was leaked after Non Government Organization (NGO) wrote about the nuclear physics conducted by Enrico in the newspaper. All the questions that she had pondered when Enrico was on the mysterious trips were answered. This is another quality the scientists should possess - the ability to keep the secret even from their loved ones. The leaking of secret could lead them to expose themselves to a higher risk of being kidnapped or killed by the enemies. In the book, Laura also described the uncontrolled chain-reaction of Uranium reactor in Los Alamos delivered enormous radiation and injuring two workers. It shows


how dangerous it is if precaution measures are not taken seriously and scientists are not always living in a peaceful and happy life.

After the war ended, most of the Americans had different views about the use of the atomic bomb in the war. Laura summarized this in the last chapter of her book that the scientists had agreed that the use of the atomic bomb would likely shorten the war and save the life of the Americans and Japanese. However, the opinions were different in evaluating the advantages against the danger of jeopardizing the future of international control and everlasting peace. Enrico was forced to deal with moral questions that directly involved the life and death of millions of people. Later on, Laura concludes that the scientists had made a decision not to use the nuclear weapons anymore in the war. There must be a policy of banning the atomic weapon and therefore, the Association of the Los Alamos was formed.

In short, this book is recommended to be read by the younger generations in order to appreciate the earlier scientists' works especially on nuclear energy as another resource of renewable energy. The book also describes the scientific attitudes and values of a successful scientist. However, some negative attitudes such as using the nuclear weapon to kill people should not be taken into consideration and should be avoided. It also has shown how normal and good moral value of science roles has changed into militaristic interests.

The ABCs of Evaluation Techniques for Program and Project Managers, Third Edition

Dr. Norfadhilah binti Nasrudin
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : John Boulmetis &
Phyllis Dutwin
Penerbit : Jossey-Bass
Tahun : 2011

Buku ini mengandungi 288 halaman termasuk halaman roman. Ia ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dan sesuai dirujuk oleh semua lapisan masyarakat yang ingin menilai suatu program atau projek dalam organisasi masing-masing. Buku ini merupakan buku panduan yang sangat lengkap yang boleh dijadikan kitab penilaian program yang mudah. Terdapat 10 bab dan tiga lampiran, yang mengandungi maklumat berkaitan penilaian program beserta contoh penulisan analisis data dan format pelaporan hasil dari penilaian program atau projek yang telah dilaksanakan. Bab-bab buku ini terdiri daripada penerangan tentang definisi dan konsep penilaian, mengapa menilai, *stakeholders* yang terlibat dalam pembuatan keputusan, penerangan tentang sebuah program yang ingin dinilai, pemilihan pelbagai model penilaian, sumber-sumber pengumpulan data, cara-cara menganalisis data, metodologi, perbezaan antara kajian penilaian dan penyelidikan, penulisan laporan penilaian dan hala tuju penilaian program sebagai suatu perniagaan.

Bab satu mengandungi penerangan tentang definisi dan konsep penilaian program. Bab ini bermula dari halaman 1 sehingga 28. Penilaian didefinisikan oleh pengarang sebagai gabungan antara seni dan sains. Pengarang mencadangkan pembaca untuk memahami prinsip dan teori berhubung penilaian dan kemudian mengaplikasikan kefahaman tersebut dalam dunia sebenar atau organisasi masing-masing. Pengarang memberikan dua definisi penilaian: (i) Penilaian merupakan satu proses yang sistematik mengumpul dan menganalisis data dengan tujuan

untuk menentukan sama ada objektif suatu program atau projek yang telah dicapai dan (ii) Penilaian merupakan satu proses yang sistematik untuk mengumpul dan menganalisis data dengan tujuan untuk membuat keputusan. Pengarang juga menghubungkan tiga konsep iaitu konsep keberkesanan, kecekapan dan impak dalam membuat penilaian kerana ketiga-tiga konsep ini saling berkait antara satu sama lain. Pembaca juga dapat mengetahui bidang yang boleh dijadikan aspek penilaian.

Bab dua berkisar tentang cara meletakkan target atau piawaian atau objektif penilaian. Pembaca dapat gambaran tentang proses penilaian melibatkan proses mengukur dan mengumpul data, sama ada data kuantitatif atau data kualitatif dan membandingkan pencapaian terhadap piawai yang telah dipilih atau ditetapkan. Penilaian boleh dilakukan terhadap manusia atau aktiviti atau program atau gabungan kesemuanya. Bab ini bermula dari halaman 29 sehingga 46.

Bab tiga bermula dari halaman 47 sehingga 74. Bab ini menerangkan bahawa di mana ada program, maka di situ ada penilaian. Penilaian program adalah satu kemestian bagi sebuah organisasi dunia perlu dirancang lebih awal lagi. Topik ‘Mengapa Menilai’ berasal daripada pelbagai sumber dan pelbagai audien, polisi, pelbagai keperluan untuk menilai oleh pihak pengurusan dan pentadbiran serta keperluan penyelidikan. Bab ini meneroka kepentingan proses mengenal pasti *stakeholders* dan cara mereka membuat keputusan penting hasil daripada proses penilaian. Penilaian formatif dan sumatif juga disentuh oleh pengarang. Pembaca diperkenalkan dengan format atau reka bentuk penilaian program yang sesuai dan perlu diikuti.

Bab empat berkisar tentang penerangan tentang suatu program yang ingin dinilai. Soalan-soalan seperti ‘Mengapa program perlu dinilai?’, ‘Apa matlamat dan objektif penilaian program?’, ‘Apa aktiviti program yang patut dinilai?’ dan ‘Apa langkah-langkah yang akan digunakan untuk menilai satu keputusan?’ terdapat di dalam bab ini. Pembaca dapat mengetahui bahawa objektif penilaian tidak terhad kepada satu matlamat atau objektif sahaja, malah boleh melibatkan seluruh staf, organisasi dan pelanggan. Bab ini bermula dari halaman 75 sehingga 96.

Bab lima bermula dari halaman 97 sehingga 118. Pengarang menerangkan tentang pelbagai jenis bentuk model penilaian program dan bagaimana setiap model akan digunakan. Pembaca boleh memilih salah satu model atau menggabungkan pelbagai model penilaian program. Setiap model penilaian program mengandungi komponen yang sama iaitu meliputi soalan penilaian, aktiviti program yang hendak dinilai, sumber pengumpulan data, bagaimana dan bila perlu mengumpul data, bagaimana menganalisis data dan mengenal pasti

pihak yang bertanggungjawab bagi setiap dapatan penilaian. Model penilaian yang mana perlu dipilih, sangat bergantung kepada matlamat dan objektif penilaian yang ditetapkan oleh sama ada pelaksana atau penilai.

Bab enam menerangkan tentang kaedah pengumpulan data yang dapat dilakukan dengan secara *obtrusive* atau *unobtrusive* dimana ia dilakukan secara sedar oleh pihak yang dinilai atau tanpa disedari oleh mereka. Data yang dikumpul terdiri daripada pelbagai bentuk seperti data sedia ada, rekod yang sudah dikumpul terdahulu, mengumpul data yang baharu dengan menggunakan soal selidik, senarai semak, temu bual, ujian objektif atau ujian skala serta data unjuran atau data pemerhatian. Pengarang menggunakan model LOGIC sebagai contoh dalam menerangkan konsep penilaian program atau projek. Bab ini bermula dari halaman 119 sehingga 146.

Dalam bab tujuh, pengarang memperkenalkan kepada pembaca tentang kaedah menganalisis data penilaian yang telah dikumpul. Data berbentuk data nominal, data sela dan nisbah. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan statistik kecenderungan berpusat, analisis varian atau analisis perbezaan. Bab ini dimulakan dari halaman 147 sehingga 168. Bab lapan bermula dari halaman 169 sehingga 184. Bab ini menerangkan kepada pembaca tentang perbezaan di antara kajian penilaian dan penyelidikan biasa. Pertama, perbezaan dilihat dari aspek niat atau matlamat asal satu penilaian dan kedua, dari aspek reka bentuk penilaian yang ingin dilaksanakan.

Kajian penilaian bertumpu kepada pengumpulan maklumat atau data untuk memeriksa dan lebih memahami proses yang berlaku dalam suatu program atau projek. Proses penilaian akan dijalankan dengan membandingkan pencapaian matlamat atau objektif program dengan penanda aras, mengenal pasti aktiviti mana yang berfungsi dengan baik ke arah mencapai objektif. Maklumat yang dikumpul dapat membantu *stakeholders* memahami kandungan, konteks program, proses dan matlamat yang diinginkan. Dengan itu, pembuat keputusan akan dapat menggunakan hasil dapatan penilaian untuk tujuan penambahbaikan program. Kajian penyelidikan pula lebih bertumpu kepada proses memahami kesan jangka panjang suatu program atau projek dan mengembangkan pengetahuan pembaca dalam bidang masing-masing. Manakala, penyelidikan biasa lebih berfokus kepada menguji atau mengukuhkan suatu tindakan dengan objektif yang telah ditetapkan. Hasil penyelidikan akan digunakan oleh semua audien luar, tidak hanya terhad kepada *stakeholders* sebuah program seperti pepatah Inggeris, *evaluation is to improve not to prove*.

Bab sembilan, bermula dari halaman 185 sehingga 204, menerangkan fokus yang perlu ada dalam penulisan laporan penilaian. *Stakeholders* adalah

pembaca utama laporan akhir penilaian kerana mereka mungkin seorang pelaksana, pembuat dasar atau keputusan terhadap penerusan, penamatan atau pengubahsuaian matlamat atau objektif sesuatu program. Antara elemen yang perlu ada termasuklah matlamat atau objektif program, falsafah program, pelanggan, komuniti, keperluan penilaian, perancangan, proses implementasi dan hasil penilaian. Pengarang turut memberi beberapa cadangan format mengikut kesesuaian skop atau tujuan suatu penilaian.

Bab 10 bermula dari halaman 205 sehingga 227. Bab ini membayangkan hala tuju kerjaya penilai program pada masa hadapan. Pengarang mencetuskan idea bahawa seorang individu boleh menjadi penilai program bagi pihak ketiga yang objektifnya, telus dan berkualiti ke arah memperbaiki dan meningkatkan mutu program yang dinilai. Pengulas ingin mencadangkan supaya buku ini dijadikan sebagai panduan asas kepada penilai novis untuk melaksanakan penilaian program atau projek. Buku ini juga sesuai untuk semua pelajar di Institut Pengajian Tinggi.

Hikayat Budak PhD: Bukti Anak Melayu Cemerlang

Norhafizah binti Sapuan
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Dr. Syahr Musafir;
Editor : Fahmi Bahrudin
Penerbit : Kopi Cetak Sdn. Bhd.
Tahun : 2016

Bagi sesetengah orang, PhD adalah sebuah impian yang tinggi melangit yang ingin dicapai. Namun, bagi sesetengah orang lain pula ia sangat menggerunkan dan menakutkan sehingga ada yang beranggapan ia mustahil untuk digapai. Justeru, istilah popular dalam kalangan pelajar dengan gelaran *Permanent head Damage* kerana identiti pembelajaran PhD itu yang bagi mereka, selagi tidak pecah kepala bukanlah belajar PhD namanya. Begitulah sentimen-sentimen mengenai PhD dalam fikiran orang kita. Ini belum lagi bercerita mengenai perjalanan untuk mengharunginya lagi.

Cerita perjuangan PhD bagi Dr. Shahr Musafir dalam bukunya 'Hikayat Budak PhD: Bukti Anak Melayu Cemerlang' adalah perjuangannya bukan sahaja sebagai seorang pelajar PhD, tetapi juga sebagai seorang suami dan seorang ayah kepada dua orang anak yang masih kecil. Cabaran tambahan pula adalah, perjuangannya bukan di tanah air sendiri tetapi nun jauh di negeri atas angin, Australia. Di samping pembelajarannya, pengarang juga aktif dalam aktiviti-aktiviti dakwah, persatuan dan NGO dengan memegang jawatan-jawatan penting. Dr. Syahr Musafir ialah seorang anak muda yang berjaya membuktikan bahawa usia muda bukanlah penghalang untuk berjaya sebagai pelajar dan dalam masa yang sama, berjaya mengemudikan bahtera rumah tangga dengan aman dan harmoni di sebalik cabaran-cabaran yang harus ditempuhinya sepanjang perjalanan PhD. Apa yang lebih membanggakan, beliau merupakan anak Melayu

pertama yang terpilih sebagai *Mace Bearer* atau Pembawa Cokmar Diraja dalam Majlis Graduasi University of Adelaide.

Buku ini begitu istimewa kerana wawasan dan aspirasi pengarang terhadap hasil penulisan tesis PhDnya nanti agar dapat dimanfaatkan oleh ummah sejagat. Buku ini adalah hasil daripada catatan pengalaman dan pengamatan pengarang sepanjang menekuni kehidupan sebagai pelajar dan mahasiswa yang ingin berjaya dengan cemerlang. Terlahir daripada cetusan ilham dan perkongsian pengalamannya yang mendapat beribu-ribu *Like* dan *Share* di laman-laman sosial. Bagi pengulas, membaca buku ini seolah-olah memberi semangat dan roh untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD. Buku ini berjaya mengajak pembaca untuk menetapkan sasaran dan matlamat kejayaan bukan sahaja dari aspek akademik bahkan dapat menyumbang untuk ummah sejagat seterusnya mengangkat martabat Islam di mata dunia.

Pengulas pernah membaca beberapa buah buku *travelog* atau catatan pengalaman pelajar di luar negara. Memang memberi pengalaman baharu bagi pengulas, banyak juga panduan-panduan berguna dapat diambil daripada buku-buku tersebut. Membaca pengalaman-pengalaman pengarang sedikit sebanyak memberi kita gambaran situasi yang mereka hadapi dan secara tidak langsung apabila berhadapan dengan situasi yang sama, kita dapat memikirkan jalan penyelesaian. Pada pendapat peribadi pengulas, buku ini lebih menarik penceritaannya kerana ditambah dengan foto-foto asli yang diambil dan disisipkan sebagai sokongan kepada kandungan topik yang dibincangkan.

‘Tak kenal maka tak cinta’. Ungkapan bermakna mendahului perkenalan diri sang empunya karya. Nama diberi Muhamad Syahrul Fitri bin Zawawi dan merupakan seorang anak jati Kelantan. Seorang anak muda yang telah melakar kecemerlangan akademik sejak dari sekolah rendah sehingga mencatat keputusan terbaik iaitu 10A dalam SPM tahun 2004. Selepas mengikuti program persediaan selama setahun setengah, bermulalah kembaranya di bumi Adelaide, Australia. Bermula dengan *Bachelor of Science (Biotechnology)* dari tahun 2007 hingga 2009, beliau ditawarkan untuk mengikuti *Bachelor of Health Science (Honours)* pada tahun berikutnya dan menamatkannya dalam masa sembilan bulan sahaja. Dengan keputusan *First Class Honours* yang diperolehinya, pihak University of Adelaide menawarkannya terus menyambung ke peringkat kedoktoran dalam bidang Perubatan pula. Apa yang lebih mengagumkan, pengarang berjaya menghabiskan pengajian *PhD in Medicine* dalam masa 3 tahun dan 3 minggu sahaja.

Dalam buku ini, pengarang memulakan ceritanya tentang perancangan yang merupakan perkara yang paling penting dalam sesuatu perkara yang ingin


kita lakukan. Pepatah Inggeris mengatakan, *if we fail to plan, we plan to fail*. Tanamkan tekad dalam hati perlu habiskan pengajian secepat yang mungkin dan rancang pengurusan masa dengan penjadualan yang terbaik kerana perkara yang paling penting adalah niat. Bagi Muslim, niatkan belajar kerana Allah S.W.T. kerana itu mampu memberikan semangat dan rasa tanggungjawab luar biasa sepanjang menjalani hidup, khususnya sebagai pelajar PhD. Selain itu, pengarang ada berpesan agar pembaca tidak takut untuk bermimpi.

Di samping panduan-panduan berguna yang terhasil daripada pengalaman sepanjang menghabiskan pengajiannya, pengarang ada menyelitkan firman-firman Allah S.W.T. dan hadis-hadis yang dijadikan panduan ketika beliau menghadapi kelelahan atau kebuntuan dalam mendepani cabaran-cabaran dalam hidupnya. Sebagai Muslim, tidak dapat tidak pasti kita akan melalui saat-saat yang hanya kepada Allah S.W.T. sahaja tempat kita meminta pertolongan. Ketika lelah dengan tugas-tugas seharian, ketika buntu untuk menyelesaikan masalah yang melanda, ketika orang-orang di sekeliling pun tidak mampu untuk membantu kita. Hanya doa dan permohonan kepada Allah S.W.T. sahajalah yang diharapkan untuk memberi kelegaan dalam menyuluh jalan penyelesaian buat kita.

Apabila mula membaca buku ini, pengulas merasa amat berlainan daripada buku-buku yang pernah dibaca sebelum ini kerana isi kandungannya yang disampaikan secara santai namun terselit mesej yang sangat berguna dan dapat diambil pengajaran. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna untuk pelajar tidak kira peringkat kedoktoran, sarjana, ijazah pertama mahupun diploma. Panduan yang diberikan amat bermakna dalam kehidupan sebagai pelajar.

Didiklah dari Hati

Dr. Roslina Suratnu
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Pahrol Mohamad Juoi &
Rashidah Mustafa
Penerbit : Telaga Biru Sdn. Bhd.
Tahun : 2014

Buku ini mengandungi 286 halaman termasuk 11 halaman roman. Ia ditulis dalam bentuk pesanan-pesanan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak. Terdapat lima pesanan yang dirangkumkan menerusi 41 artikel yang disusun secara bertema.

Tema pesanan pertama mengandungi enam artikel yang berkaitan tentang cara membentuk adab anak-anak ketika makan, ketika bertamu, ketika berada di rumah terbuka, adab pergaulan sesama saudara mara, adab ketika berkata-kata, dan adab berkawan.

Tema pesanan kedua pula berkaitan dengan cara membina jasmani terbaik untuk anak-anak. Pesanan ini bermula dari artikel ke-7 sehingga artikel ke-15 yang meliputi cara mendidik anak untuk mesra buku, sekolah yang ideal untuk anak, pemakanan anak, cara riadah yang sihat, cara menyuburkan minda anak, cara positif memanjakan anak, mengawasi tidur anak, persediaan baligh dan cara belajar melalui alam.

Tema pesanan ketiga pula bermula dari artikel ke-16 sehingga artikel ke-30. Tema pesanan ini berkisar tentang cara memurnikan sahsiah anak-anak melalui pengawasan terhadap rakan anak, cara mendisiplinkan anak dengan masa, cara mendidik anak agar belajar daripada kehidupan, cara mendidik anak peka terhadap kebersihan, cara membina sifat rajin dalam diri anak, cara mengatasi anak berbohong, cara mengurangkan pengaruh internet dan televisyen, cara

mengelakkan perbuatan vandalisme, merokok dan zina, cara berlaku adil dengan anak, cara penggunaan rotan terhadap anak dan cara mengajar anak hidup berprinsip. Di akhir pesanan ini, pengarang turut membahaskan tentang sikap ibu bapa yang luar biasa.

Tema pesanan keempat pula berkaitan cinta kepada Allah S.W.T. dan cinta kepada ibadah. Tema ini mengandungi enam artikel bermula dari artikel ke-31 sehingga artikel ke-36. Bahagian ini mengulas tentang sikap anak-anak yang culas solat, latihan dan galakan untuk anak-anak berpuasa, bersahur, membaca al-Quran dan pergi ke masjid. Ia juga membicarakan tentang cara mendidik anak-anak supaya jelas dengan tujuan sebuah kehidupan.

Manakala, tema terakhir di pesanan kelima pula adalah berkaitan dengan cara memantapkan tembok keimanan anak-anak. Tema terakhir ini mengandungi lima artikel yang bertajuk 'Apabila yang dimimpi sekadar jadi mimpi', 'Pakaikan takwa kepada anak-anak', 'Ikhlaslah dalam mendidik ikhlas', 'Bagaimana merebut hidayah' dan 'Rasulullah S.A.W. tetap menjadi idola'. Buku ini diakhiri dengan beberapa panduan untuk melayan anak istimewa di halaman 270 sehingga 275.

Di dalam buku ini, pengarang telah menyampaikan ideanya tentang cara mendidik anak-anak dari hati secara santai menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Kebanyakan ayat yang digunakan adalah berbentuk ayat ajakan. Ketika membaca buku ini, pembaca seolah-olah sedang mendengar butiran-butiran nasihat yang diucapkan oleh pengarang secara langsung. Pengarang turut menyelitkan beberapa petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis beserta maksudnya bagi menguatkan hujah-hujahnya.

Di halaman 'Kata Pengarang', beliau telah menekankan tentang perlunya sifat ikhlas dalam mendidik anak-anak. Ini kerana, anak-anak adalah amanah Allah S.W.T. dan bukanlah beban yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa. Anak-anak adalah pembentuk generasi akan datang. Mereka merupakan anak kunci kepada ibu bapa sama ada mahu menuju ke syurga ataupun ke neraka. Pengarang menegaskan maksud ikhlas iaitu melakukan sesuatu hanya kerana Allah S.W.T. dan melakukan sesuatu tanpa mengharapkan apa-apa balasan selain untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. semata-mata.

Sekiranya ibu bapa ikhlas dalam mendidik anak-anak, mereka akan lebih terdorong mendidik selaras dengan kehendak Allah S.W.T. bukan sekadar memenuhi cita rasa mereka sahaja. Keikhlasan akan memberikan kekuatan kepada ibu bapa sepanjang proses membesarkan anak-anak. Ibu bapa akan merasa seperti Allah S.W.T. sentiasa bersama mereka. Sewaktu berhadapan dengan ujian-ujian, ibu bapa akan terus berhubung dan mengadu kepada Allah S.W.T. untuk meminta

pertolongan. Mereka akan lebih kreatif, tabah dan gigih menggunakan pelbagai kaedah dalam mendidik anak-anak. Mereka tidak akan timbul perasaan jemu, bosan dan runsing kerana mereka telah jelas peranan sebenar mereka dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa hanya akan merasa tugas mendidik anak-anak adalah untuk menjalankan perintah Allah S.W.T. semata-mata tanpa mengharapkan sebarang bentuk balasan. Keikhlasan inilah yang akan menjamin keberkatan dalam mendidik anak-anak.

Pada keseluruhan teks di dalam buku ini, pengarang banyak menitipkan panduan-panduan, tip-tip, adab-adab dan kriteria-kriteria yang sepatutnya dalam mendidik akhlak anak-anak. Panduan, adab dan kriteria-kriteria tersebut merupakan maklumat-maklumat penting dan berharga yang perlu diketahui terutama oleh ibu bapa yang masih muda ketika membesarkan anak-anak mereka.

Pengarang turut menyentuh tentang pendidikan anak-anak yang sepatutnya bermula daripada kebiasaan ibu bapa sendiri. Ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak dalam melaksanakan bentuk-bentuk didikan yang ingin diterapkan oleh ibu bapa. Pengaruh ibu bapa sangat besar dalam diri anak-anak. Apa yang dilihat oleh anak-anak akan ditiru secara langsung atau tidak langsung. Bagi melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia, akhlak ibu bapa terlebih dahulu diperelokkan.

Banyak idea baharu yang diketengahkan melalui buku ini. Antaranya di pesanan kedua iaitu dalam tajuk, 'Menyuburkan minda anak-anak melalui kisah-kisah benar'. Semenjak kecil lagi, pemikiran anak-anak perlu lebih didedahkan dengan kisah-kisah benar yang tidak mengandungi unsur-unsur khurafat dan mitos melalui penceritaan kisah-kisah para nabi, kehebatan sahabat Rasulullah S.A.W. dan pemimpin-pemimpin agung silam berbanding watak-watak seperti *Ultraman*, *Spiderman*, *Naruto*, *Power Rangers* dan *Barbie*. Ibu bapa boleh meniru pendekatan bercerita kepada anak-anak sebelum mereka tidur atau bercerita kepada anak-anak secara langsung. Ini seterusnya, akan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan anak-anak.

Anak juga perlu dididik menerusi alam semesta. Melaluinya, anak-anak perlu diajar mengenal Allah S.W.T. melalui bukti-bukti keajaiban penciptaan alam. Anak-anak perlu dibimbing dan digalakkan untuk berfikir tentang bukti-bukti keesaan Allah S.W.T. melalui penciptaan tumbuhan-tumbuhan yang beraneka rasa dan sebagainya.

Dalam topik memurnikan sahsiah anak-anak, pengarang memberikan beberapa alternatif terhadap isu-isu yang dibicarakan. Antaranya ialah bagi mengatasi pengaruh buruk rakan-rakan sebaya, pengarang mahu ibu bapa terlebih

dahulu mengenali rakan anak-anak masing-masing melalui cara menjadi rakan kepada rakan anak-anak mereka. Situasi ini akan membantu mengelakkan pengaruh rakan sebaya dalam mencorakkan keperibadian anak-anak.


Selain daripada itu, pengarang turut menyentuh tentang peri pentingnya mendisiplinkan anak-anak dengan masa, kebersihan dan kerajinan. Isu tentang punca-punca anak-anak berbohong dan langkah-langkah menanganinya turut dibicarakan dalam topik ini. Begitu juga isu-isu tentang ketagihan anak-anak terhadap internet dan televisyen, vandalisme, merokok dan zina telah dikupas oleh pengarang dengan hujah-hujah yang jelas dan bernas. Ibu bapa diajak supaya bersikap adil terhadap anak-anak. Ibu bapa juga diajar tentang cara menggunakan rotan secara berkesan.

Di dalam kedua-dua topik terakhir yang dibincangkan di dalam buku ini, pengarang telah mengajak pembaca agar mendidik anak-anak mencintai Allah S.W.T., mencintai ibadat dan beberapa cara untuk memantapkan tembok keimanan anak-anak. Ibu bapa disaran agar melatih anak-anak agar tidak culas dalam menunaikan solat, berpuasa, lazim membaca al-Quran, akrab ke masjid dan sebagainya. Ibu bapa juga perlu menyedarkan anak-anak tentang tujuan hidup yang sebenar iaitu sebagai hamba Allah S.W.T. dan sebagai khalifah di muka bumi ini. Anak-anak perlu dibekalkan dengan perasaan takwa terutama apabila berhadapan dengan kegagalan. Didiklah anak supaya sentiasa berasa Allah S.W.T. itu wujud pada setiap masa dan sentiasa merasai dilihat oleh Allah S.W.T. agar mereka takut untuk melakukan sebarang kesalahan.

Ibu bapa juga disarankan agar tidak jemu untuk memberikan peringatan-peringatan kepada anak-anak. Setiap peringatan dimulai dengan nada lembut. Namun sekiranya berterusan, ia perlu ditukar kepada bentuk amaran beserta ancaman dan hukuman. Walaubagaimanapun, setiap amaran perlu dikaitkan dengan tauhid. Pengarang juga mengajak ibu bapa supaya menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai idola dalam memberikan contoh kepada anak-anak. Buku ini diakhiri dengan beberapa tip dan panduan mendidik anak.

The Science of Success

Datin Thusha Rani Rajendra
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Napoleon Hill
Penerbit : Penguin Books USA
Tahun : 2014

Buku *The Science of Success* merupakan sebuah buku yang mencakupi koleksi esei-esei penulisan pakar motivasi terkenal, Napoleon Hill (1883-1970). Hill merupakan pengarang tersohor buku-buku bertemakan motivasi dan kejayaan peribadi dalam mencapai kemakmuran kehidupan. Esei-esei nukilan Hill telah dipilih dan disusun dengan teliti oleh Judith Williamson. Buku *The Science of Success* telah melonjakkan populariti Napoleon Hill sebagai seorang pengarang, begitu juga sebagai pengucap motivasi. Buku ikoniknya, *Think and Grow Rich* yang diterbitkan pada tahun 1937 masih menjadi panduan sehingga kini, sekaligus menempatkan beliau sebagai seorang pakar motivasi yang unggul dan relevan. Dalam karya-karya beliau yang lain, Hill mendorong pembacanya untuk mengamalkan kerangka minda berdasarkan keyakinan diri dan kegigihan. Amalan-amalan seperti ini akan membawa kepada kejayaan dan kekayaan dari segi material dan peribadi. Pada pandangan pengulas, panduan-panduan Hill perlu diselami dan dipraktikkan agar potensi optimum diri dapat dicapai khususnya sebagai seorang warga pendidik. Buku *The Science of Success* memaparkan perspektif Hill dalam mencapai kejayaan hidup dengan bermatlamatkan prinsip-prinsip yang mudah diaplikasikan dan ternyata membuahkan hasil. Saranan-saranan Hill yang jelas boleh diamalkan tanpa kesukaran bagi membina jati diri yang kukuh.

Buku ini mempunyai 59 koleksi tajuk yang menarik dan kesemuanya dikumpulkan dalam tiga bahagian utama iaitu: hasil kerja yang tidak dikumpulkan

(*Part One- Uncollected Works*), artikel-artikel berfokuskan tentang kejayaan yang disiarkan dalam surat khabar *Miami Daily News* (*Part Two: Daily News-Science of Success Series*) serta kisah-kisah teladan dalam siri *Science of Success* (*Part Three: Additional-Science of Success Series Lessons*). Selain daripada tiga bahagian utama ini, terdapat satu bahagian yang merupakan pengenalan yang ditulis oleh Judith Williamson dalam memperkenalkan latar belakang Hill. Williamson turut mencadangkan cara terbaik dalam menggunakan *The Science of Success* untuk mencapai hasil yang optimum di bahagian ini.

Dalam bahagian pertama, pengarang telah menelusuri kehidupan awal, falsafah hidup serta pertalian Hill dengan jutawan Andrew Carnegie. Selain itu, terdapat juga beberapa tajuk yang ditulis oleh pengarang lain seperti John Johnson dan T.H. Helgeson yang menyentuh riwayat hidup Hill dengan lebih mendalam. Umpamanya, tajuk *The Man Who Taught Millions How to Succeed* yang ditulis oleh Johnson menggariskan 10 pegangan Hill yang membawa kepada kejayaan. Antaranya ialah pembinaan objektif, bekerja lebih daripada yang diharapkan, keyakinan yang berdasarkan tindakan, inisiatif sendiri, imaginasi, bersemangat tinggi serta penumpuan kepada usaha. Johnson juga menyentuh mengenai masa kehidupan Hill bersama-sama Carnegie sebagai anak didik, dan juga Hill sebagai bekas penasihat kepada para presiden Amerika Syarikat.

Bahagian kedua dan ketiga terdiri daripada sebilangan besar subtajuk adalah mengenai pelbagai isu berkaitan dengan cara-cara mencapai kemakmuran hidup. Kebanyakan idea-idea ini ringkas dan menjurus kepada intipati diskusi. Penyelitan cerita-cerita yang melibatkan tokoh-tokoh seperti Mahatma Ghandhi, Franklin Roosevelt, Thomas Edison dan Henry Ford menjustifikasikan saranan Hill dalam mencapai kejayaan dari pelbagai segi. Antara tajuk yang menarik termasuklah budi bahasa, kerjasama, kepentingan kerohanian, kesyukuran, menggunakan kebijaksanaan, membantu orang lain, analisis dan refleksi diri, personaliti unggul, kuasa tersembunyi minda, menghadapi tembok kegagalan, penampilan diri, sikap optimistik, pengamalan disiplin diri dan sikap setiakawan.

Secara keseluruhan, asas pengajaran Hill menekankan bahawa untuk berjaya, keyakinan diri dan kelakuan sosial yang positif adalah sifat yang penting. Penekanan beliau kepada konsep *Master Mind* iaitu berasaskan idea Carnegie, menekankan jalinan hubungan dengan orang-orang yang berpengetahuan dan berpengalaman. Ternyata, gaya penyampaian Hill dalam saranannya banyak disokong dengan contoh-contoh dalam kalangan tokoh-tokoh yang terkenal dan berjaya dalam bidang politik, perniagaan dan sebagainya. Bagi segelintir usahawan seperti Marshall Field, Arthur Murrays dan Mike Benedum, pengalaman kegagalan dalam perniagaan dijadikan pengajaran untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang tinggi. Cerita-cerita sebegini diselitkan di

dalam buku ini untuk memotivasikan pembaca agar tidak putus harapan dan menikmati hidup dengan kerangka minda yang positif sepanjang masa. Semestinya cerita-cerita yang benar ini menjadi inspirasi bagi pengulas untuk memaksimumkan potensi diri pengulas.


Namun, perlu disedari bahawa buku Hill banyak berfokuskan kepada kejayaan yang berasaskan materialistik semata-mata. Dalam menghadapi cabaran hidup masa kini, kejayaan material, kerohanian, intelek dan emosi perlu dijalinan untuk melahirkan insan yang seimbang dalam pelbagai aspek. Sungguhpun begitu, pada pandangan pengulas, *The Science of Success* bukan hanya buku yang berguna sebagai bahan bacaan untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan profesional, tetapi juga untuk berjaya dalam menyayangi dan menghargai diri sendiri. Walaupun terdapat beberapa kelemahan tertentu seperti penekanan yang berfokuskan pengurusan dan kewangan, buku ini masih merupakan satu sumbangan intelektual yang besar dan bermanfaat kepada sesiapa yang berminat untuk memantapkan lagi motivasi sendiri. *The Science of Success* boleh dikategorikan sebagai sebuah buku bacaan klasik dan sebab utamanya adalah kerana logik dan intipati pengajaran yang disarankan oleh Hill masih boleh digunapakai dan relevan sehingga hari ini. Pendek kata, buku ini amat sesuai khususnya bagi sesiapa yang ingin memperbaiki kehidupannya dari segi profesional dan peribadi. Panduan-panduan yang diketengahkan oleh Hill ternyata dapat membantu pembaca memahami dirinya dengan lebih mendalam dalam menempuh kesukaran serta mencapai kejayaan. Apa yang menarik adalah gaya penulisan dan penyampaiannya yang agak sederhana dan terus menjurus kepada fakta yang mudah dibaca dan diselami.

Buku *The Science of Success* ini sememangnya satu pengenalan asas yang baik dalam memahami 'Hukum Tarikan' (*Law of Attraction*). Pengamal 'Hukum Tarikan' mempercayai bahawa seseorang yang positif akan menarik aura positif yang membantu dalam pembinaan dirinya. Pada pandangan pengulas, buku ini sesuai sebagai satu pengenalan untuk memahami falsafah hidup Hill dengan mudah. Pendekatan Hill yang ringkas dan teknik berceritanya yang berkisarkan tokoh-tokoh yang berjaya membuatkan buku ini tergolong dalam 'buku wajib baca' bagi sesiapa yang ingin berkembang secara professional dan mencapai potensi diri secara menyeluruh.

Akhir kata, buku ini dihasilkan atas keyakinan kepada falsafah hidup Hill yang membina dan bernas. Namun begitu, kisah-kisah tokoh yang popular pada zaman 50-an, 60-an dan 70-an yang terdapat dalam buku ini, mungkin tidak mudah diselami oleh para pembaca yang lebih muda. Namun, apa yang lebih penting adalah untuk mengupas saranan Hill secara holistik dalam mencapai kesejahteraan hidup melalui amalan-amalan positif.

Biografi Ulama Malaysia: Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari (Mufassir Islah Penerus Zaman)

Mohd. Razimi bin Husin
(IPG Kampus Ipoh)



Pengarang : Nornajwa Ghazali dan
Mustaffa Abdullah
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun : 2015

Buku ini membincangkan tentang rentetan perjalanan seorang tokoh mufassir tempatan bernama Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari yang sangat besar sumbangannya terhadap perkembangan Islam. Penglibatan beliau dalam pentadbiran dan keilmuan mendorong pengulas meneroka penulisan buku ini kerana idea-idea pemikiran beliau menjangkau pemikiran yang jauh mendahului zamannya.

Ketokohan mufassir Syeikh Abu Bakar ditonjolkan dalam karya ini melalui karya 'Tafsir Juzuk *'Ammah*' iaitu sebuah idea huraian pentafsiran ilmiah yang bersungguh-sungguh ingin membetulkan akidah dan memajukan umat dalam semua bidang. Menurut tokoh ini, umat Islam perlu membebaskan pemikiran mereka daripada pelbagai belunggu yang mengikat perkembangan akal manusia. Kepentingan memelihara akal ini telah mencetuskan sebuah lagi hasil karya 'Kebebasan Berfikir' yang menekankan sebab-sebab kemunduran umat Islam. Walaupun usaha-usaha beliau mendapat tentangan hebat termasuk mufti sendiri, namun beliau tetap berpendirian bahawa Islam adalah agama yang luas yang mengasuh insan agar mementingkan faedah umum berbanding individu.

Setelah melakukan pembacaan dan penerokaan ke atas buku ini, pengulas merasa amat kagum dan insaf atas pengorbanan seorang pendakwah yang sanggup menerima cacian dan penghinaan semata-mata kerana mengajak manusia

menjauhi syirik dan kembali kepada Allah S.W.T. Beliau amat gigih memerangi adat resam negatif dan taklid buta yang mengongkong umat Islam daripada memahami ajaran Islam yang sebenar.

Nama sebenar tokoh ini adalah Abu Bakar bin Shaari dan lebih dikenali dengan Syeikh Abu Bakar al-Ashaari. Beliau dilahirkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1904. Bapanya bernama Shaari bin Musa dan ibunya bernama Fatimah. Syeikh Abu Bakar telah mendirikan rumahtangga dengan Hajjah Aishah binti Haji Zakaria dan dikurniakan empat orang anak lelaki iaitu Husni, Rustam, Fauzi, Afifi dan seorang anak perempuan bernama Firdaus. Dua orang anak iaitu Husni dan Afifi telah meninggal dunia, manakala yang masih ada ialah Fauzi, seorang kontraktor dan anak bongsu beliau, Firdaus yang kini sedang berkhidmat sebagai guru di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Chowrasta, Pulau Pinang sehingga darjah lima, kemudian melanjutkan pelajaran ke *Anglo Chinese School Pulau Pinang*. Minat untuk menguasai Bahasa Arab menyebabkan beliau beralih ke bidang Bahasa Arab lalu melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama al-Masyhor, Pulau Pinang. Kemudian, beliau menyambung pengajiannya ke Universiti al-Azhar selama tujuh tahun (1925 sehingga 1932). Beliau berjaya memperolehi Ijazah Undang-Undang Islam dari Universiti al-Azhar. Beliau dan rakannya Abdul Qahar Muzakkir berusaha mengembangkan idea-idea dan fikrahnya dengan mengasaskan sebuah persatuan yang diberi nama *al-Jam'iyah al-Qahirah al-Malayuwiyyah*. Ketokohan dan kepimpinan yang ada pada dirinya telah melayakkan beliau memikul mandat sebagai wakil pelajar ke Persatuan Muktamar Islam di Jerusalem, Palestin.

Menariknya kerana buku ini turut membentangkan metodologi pentafsiran al-Quran yang amat berkait rapat dengan salah satu daripada kursus PISMP major Pendidikan Islam yang terkandung dalam RMK pengajian mereka. Kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y* digunakan dengan meluas dalam karya ini, nilai tinggi tafsiran beliau adalah terletak pada pentafsiran *bi al-Ma'thur* kerana ia merupakan kaedah yang paling baik dan jalan yang paling sahih untuk mentafsirkan al-Quran. Kaedah tafsiran ini mempunyai tiga elemen penting iaitu tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan hadis Rasulullah S.A.W. dan tafsir al-Quran dengan pendapat para sahabat dan tabi'in. Tafsiran beliau memaparkan huraian dan pandangan beliau sendiri yang tepat dan jauh daripada unsur-unsur *isra'iliyat*.

Aspek-aspek sampingan lain turut ditonjolkan dalam pentafsiran Syeikh Abu Bakar termasuklah elemen-elemen *Asbab al-nuzul*, *munasabat ayat*, memperincikan sirah dan kisah-kisah umat terdahulu dan lain-lain. Aspek-aspek

ini melengkapkan lagi huraian tafsiran beliau sebagai sebuah khazanah tafsir yang memiliki keistimewaannya yang tersendiri.

Selain daripada itu, tafsiran beliau juga didapati merujuk kepada karya-karya lain seperti karya *Tafsir al-Furqan* karya A. Hassan, Tafsir al-Azhar karya Prof. Dr. Hamka. Rujukan kepada nama-nama periwayat hadis dan pandangan ulama-ulama muktabar turut disertakan sebagai sokongan untuk menguatkan pentafsirannya.

Perjuangan Syeikh Abu Bakar berhasil apabila beliau berjaya mencetuskan revolusi pemikiran dan membuat pembaharuan dalam cara berfikir. ‘Intisari Tafsir Juzuk ‘*Amma*’ adalah di antara beberapa buah buku yang lahir pada saat-saat umat Islam memerlukan kepada bahan-bahan pembacaan agama. Cetusan idea dan pemikiran ini adalah hasil daripada pengamatan beliau terhadap fenomena kemasyarakatan yang melingkungi kehidupan umat Islam ketika itu. Sumbangan pemikiran beliau dapat dilihat dalam beberapa bidang penting termasuklah aspek akidah, ibadah, sosial, kemasyarakatan dan lain-lain.

1. Pemikiran dalam Bidang Akidah

Persoalan akidah dijadikan tumpuan utama oleh Syeikh Abu Bakar. Keprihatinan ini timbul apabila melihat akidah umat Islam makin terpesong dek pengaruh unsur-unsur syirik, bid’ah dan khurafat yang berpunca daripada kelemahan iman. Beliau sangat menekankan usaha-usaha pemantapan akidah. Pada setiap akhir pentafsiran surah-surah tertentu, Syeikh Abu Bakar akan mengaitkan pentafsirannya dengan keimanan dan kekuasaan Allah SWT yang Maha Kuasa. Analisis pengulas menunjukkan Syeikh Abu Bakar berpegang dengan akidah aliran *salafiyah* sebagaimana yang dipegang oleh para sahabat, *tabi’in* dan *tabi’ tabi’in*, juga seperti yang diajar oleh Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim. Syeikh Abu Bakar didapati memberi penekanan kepada tiga bahagian utama dalam persoalan tauhid iaitu *Tauhid al-Rububiyah*, *Tauhid al-Uluhiyyah* dan *Tauhid Asma’ wa al-Sifat*.

2. Pemikiran dalam Bidang Fiqah

Pentafsiran Syeikh Abu Bakar melalui ‘Intisari Tafsir Juzuk ‘*Amma*’ juga menghasilkan sumbangan pemikiran dalam bidang Fiqah. Perbincangan mengenainya adalah tertumpu kepada aspek ibadah solat yang menjadi tunjang kekuatan diri seseorang individu muslim. Syeikh Abu Bakar sentiasa menyeru agar solat hendaklah ditunaikan seperti sunnah Rasulullah S.A.W. Keseriusan mengajak manusia kepada mengamalkan sunnah membawa kepada terhasilnya sebuah karya pada tahun 1956 yang bertajuk ‘Ibadah Rasulullah S.A.W’. yang memuatkan kaifiyat dan amalan-amalan solat daripada riwayat-riwayat yang sah sahaja.


3. Pemikiran dalam Bidang Sosial dan Kemasyarakatan

Syeikh Abu Bakar juga amat menitikberatkan peranan akal dalam usaha membangun dan mensejahterakan kehidupan manusia. Menurut beliau, jika umat Islam ingin menjadi seorang yang berharga pada agama dan masyarakat, seseorang mestilah mempunyai pendirian berlandaskan akal, ilmu dan pengalaman serta jauh dari ikutan hawa nafsu. Dalam hal ini, Syeikh Abu Bakar meyakini bahawa meningkatkan diri dengan ilmu dan pendidikan akan merungkai daripada terbelenggunya akal manusia. Beliau tidak lupa membela nasib kaum wanita yang disifatkan ketika itu hanya layak di 'ceruk dapur' sahaja. Selain daripada itu, Syeikh Abu Bakar turut berusaha menghidupkan semula gagasan 'Pan Islamisme' yang bertujuan untuk memartabatkan kedudukan umat Islam dalam pelbagai lapangan kehidupan setelah wujudnya kesatuan di kalangan umat Islam. Gagasan ini dihidupkan kembali dengan keyakinan bahawa di antara sebab kemunduran umat Islam ialah perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam itu sendiri, dengan kata lain 'Pan Islamisme' telah muncul sebagai satu slogan untuk menentang pencerobohan Barat dan seterusnya mengusir kuasa penjajah dari bumi Asia.

Buku ini amat baik dijadikan sebagai bahan bacaan umum terutama bagi generasi muda hari ini. Selain meneroka bahan metodologi ilmiah berkaitan sebuah manhaj pentafsiran yang digunakan untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran, buku ini juga memaparkan susah payah dan perjuangan seorang pendakwah yang berkorban untuk memastikan akidah dan amalan masyarakat Islam sentiasa benar dan terpelihara. Bentuk-bentuk pemikiran dan perjuangan yang dibawa seperti saranan mengembalikan fungsi akal, mendemokrasikan pendidikan, menghidupkan semula gagasan 'Pan Islamisme', memerangi perkara-perkara syirik serta untuk usaha membebaskan ummat daripada belenggu kejumudan. Hal ini juga, mampu membina semangat dan impak kesedaran yang tinggi kepada ummah seluruhnya, sekaligus memberi isyarat bahawa perjuangan perlu diteruskan selagi nyawa dikandung hayat.

Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Normajwa Ghazali
(IPG Kampus Ipoh)



Pengarang : Mohd. Razimi Bin Husin
Penerbit : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
Tahun : 2013

Apabila membaca buku 'Tamadun Islam dan Tamadun Asia' (TITAS) ini, didapati bahawa bukannya susah untuk belajar 'Ilmu Ketamadunan' yang mempunyai kaitan dengan sejarah tentang sesuatu tamadun. Hal ini kerana kandungan buku ini mudah difahami dan amat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Malaysia. Pengulas percaya ilmu yang didapati melalui buku ini akan membantu banyak pihak dalam urusan semasa dan pada masa akan datang dalam menyelesaikan pelbagai isu negara. Segala kebaikan yang telah diperolehi melalui buku ini tidak dapat dinilai dengan kewangan malah dapat membantu pembaca menyampaikan ilmu ini kepada orang lain agar ilmunya terus tersebar kepada generasi akan datang.

Cara penulisan dan susun atur kandungan amat sesuai kepada semua lapisan masyarakat. Kandungan juga amat relevan kepada masyarakat yang berbagai budaya, agama dan bangsa. Buku ini diwarnai dengan nota margin yang menyatakan isi penting sebagai maklumat tambahan yang menunjukkan kelainannya dengan sebahagian besar buku lain.

Pada awalnya, pembaca didedahkan dengan empat tamadun awal iaitu Tamadun China, Mesir, India dan Mesopotamia. Tamadun China merupakan salah satu tamadun tertua di dunia dengan jangka hayat 4000 tahun. Pengarang mengolah beberapa kandungan seterusnya dalam bentuk sebuah cerita seperti pada subtajuk 'Prinsip Memelihara Nyawa'. Hal ini dapat membantu pelajar yang tidak suka menghafal semasa mengulang kaji pelajaran.

Pada pandangan pengulas, kandungan tamadun Islam dapat difahami dengan mudah oleh masyarakat bukan Islam. Perkara ini akan memudahkan pemahaman dan penghayatan 'Ilmu Ketamadunan' kepada masyarakat Malaysia. Justeru, pemupukan kefahaman secara mendalam terhadap sejarah, nilai-nilai dan aspek-aspek penting yang lain menjadi lebih mudah bagi pembinaan bangsa Malaysia yang memenuhi aspirasi negara yang menekankan kepada agenda mengekalkan dan memelihara perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

Pengulas merasakan maklumat dalam buku ini adalah memadai, tepat dan mudah. Keprihatinan pengarang dengan menjelaskan perkataan tertentu amat membantu kefahaman pembaca bukan Melayu, contohnya dalam memberi penjelasan perkataan musibah dan taklid. Hampir setiap muka surat buku ini menjelaskan maksud perkataan atau istilah tertentu.

Dalam bab yang awal, dijelaskan tentang sumber Tamadun Islam yang dapat memberi kefahaman kepada semua rakyat Malaysia, khususnya yang bukan Islam, bahawa al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijtihad*, *Ijmak*, *Qias*, akal pemikiran manusia, pengalaman serta tamadun dan budaya merupakan sumber Tamadun Islam. Ia berbeza dengan buku lain yang tidak menyatakan tentang *Ijmak* dan *Qias* sebagai sumber Tamadun Islam.

Perincian tentang sumber utama iaitu kitab al-Quran yang merupakan mukjizat Nabi Muhammad S.A.W. amat jelas. Secara telitinya, al-Quran sebenarnya mengupas berkaitan tentang pemikiran, peraturan dan undang-undang, kisah-kisah sejarah yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Pengarang menyatakan bahawa al-Quran juga memberi gambaran asas terhadap sains apabila menjelaskan tentang alam yang akan memantapkan keyakinan manusia terhadap kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. pencipta manusia.

Buku ini juga menjelaskan tentang enam Prinsip Tamadun Islam iaitu (i) memelihara agama, (ii) memelihara nyawa, (iii) memelihara keselamatan akal, (iv) memelihara maruah dan keturunan, (v) memelihara harta benda dan (vi) memelihara hak dan kebebasan. Prinsip ini dilihat sesuai untuk dihayati oleh semua lapisan masyarakat Malaysia kerana prinsip-prinsip tersebut mampu menjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia dan mengekalkan perpaduan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Selain itu, beberapa bentuk nasihat dan kepentingan mematuhi undang-undang syariah diselitkan dalam buku ini. Contohnya, kepentingan menjaga maruah diri dan mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh budaya barat yang membenarkan bersekedudukan dan mempunyai zuriat tanpa ikatan yang sah. Nasihat ini telah menyedarkan pembaca supaya lebih berpegang kepada agama

walaupun kepada penganut agama selain Islam. Dalam agama Kristian juga ada menyatakan bahawa gejala sosial seperti pergaulan bebas, seks bebas atau sumbang mahram yang berakhir dengan pengguguran dan pembuangan anak luar nikah adalah dilarang. Melalui nasihat tersebut, pembaca boleh menghayatidengan menjaga maruah diri dan keluarga untuk menjamin generasi yang baik. Pembaca yang menghayati buku ini akan terkesan dengan kehidupan berintegriti, sedia membantu semasa bekerja dan bersemangat melaksanakan tanggungjawab. Selain itu, pembaca juga dapat meningkatkan kepekaan terhadap isu-isu persekitaran dan dunia.

Perkara yang menarik ialah teori-teori yang dibuktikan dengan jelas sama ada melalui tulisan-tulisan sebelum ini atau perkara maujud yang boleh dilihat sehingga hari ini. Contohnya, teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara, iaitu dari Semenanjung Tanah Arab, China dan India dapat dibuktikan dengan jelas. Kemasukan Islam ke alam Melayu dilakukan oleh pedagang Arab dengan merujuk kepada kandungan yang ditulis dalam buku *The Preaching of Islam* yang dikarang oleh T. Warnold pada tahun 1935. Begitu juga karangan John Crawford, Nieman dan de Hollander yang menyebutkan bahawa Islam dibawa terus dari Semenanjung Tanah Arab pada kurun ke-7 dan disokong oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam seminar 'Masuknya Islam di Indonesia' dan juga disokong oleh Sayid Hadrami serta kebanyakan golongan fundamentalis hari ini. Teori kedatangan Islam dari China juga dapat dibuktikan dengan jelas melalui tulisan Profesor S. Q. Fatimi pada tahun 1963 setelah berlakunya perpindahan beramai-ramai orang Islam dari Canton ke Asia Tenggara pada tahun 876 akibat pemberontakan yang berlaku.

Manakala, teori kedatangan Islam dari India dibuktikan melalui penemuan batu-batu nisan awal yang dijumpai di alam Melayu yang telah diimport dari Kambay Gujerat apabila sebahagian bangsa India yang memeluk Islam berhijrah ke Nusantara dan menyebabkan Islam berkembang ke wilayah Nusantara.

Buku ini juga menjelaskan tentang keunikan penduduk Malaysia yang pelbagai bangsa, agama dan budaya. Percantuman budaya yang unik antara pelbagai kaum telah mengakibatkan lahirnya masakan yang unik di Malaysia seperti masakan Cina dan Melayu digabungkan menjadi satu masakan baru. Contohnya, masakan nyonya ialah bubur caca, ikan bakar, air asam, kerabu dan lain-lain. Makanan yang dicipta ini telah menarik selera pelbagai kaum dengan sebab keenakan dan kepelbagaiannya.

Selain itu, buku ini menjelaskan bagaimana percampuran budaya antara pelbagai tamadun telah menyebabkan negara kita mempunyai kepelbagaian budaya dari unsur seni bina, agama dan kaum. Ilmu setiap rakyat dalam negara

juga dapat dikembangkan setelah berinteraksi dengan rakyat negara yang lain. Interaksi awal antara Tamadun China dengan Tanah Melayu yang telah berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka juga dijelaskan. Cara interaksi negara China dengan kesultanan Melayu adalah melalui aktiviti perdagangan. Kedatangan pedagang China ke Tanah Melayu telah memberikan impak yang besar terhadap masyarakat Tanah Melayu pada zaman dahulu terutamanya dari segi kebudayaannya.

Pengarang menjelaskan tentang bahasa dan komunikasi seharian yang digunakan sehingga ke hari ini. Kaum Cina kadang-kala bertutur sesama mereka menggunakan bahasa rojak (bahasa Melayu dan bahasa Hokkien) sebagai bahasa komunikasi seharian mereka. Dengan ini, perpaduan antara kaum juga diwujudkan dengan sebab bahasa. Perkahwinan campur telah melahirkan budaya Cina yang unik dengan tradisi Melayu dan memberi contoh yang baik kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Pada mulanya, mereka datang ke Melaka untuk berdagang dan mencari pekerjaan dan berkahwin dengan wanita tempatan.

Perkara yang ditulis telah menggambarkan kehidupan hari ini melalui interaksi antara tamadun China dengan tamadun Malaysia telah memberi banyak kesan terhadap sosial, kebudayaan, dan kepercayaan Malaysia. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam kehidupan kita. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, salah satu kaum iaitu kaum Cina merupakan hasil interaksi tamadun China dengan tamadun Malaysia. Hal ini sedemikian kerana penjalinan hubungan antara Tanah Melayu dan China pada zaman dahulu menyebabkan ramai orang China datang ke Malaysia dan menetap di sini.

Apabila menulis tentang tamadun, tokoh-tokoh terkemuka tidak dilupakan. Mohd. Razimi Husin telah mengupas tentang tokoh-tokoh dalam kalangan empat bangsa yang dijadikan rujukan Tamadun Malaysia iaitu tokoh Islam, China, India dan Jepun. Contoh tokoh Islam ialah Ibnu Sina yang lebih dikenali di Barat dengan nama Avicenna dan Al-Ghazali yang berpengaruh dalam bidang falsafah. Manakala, tokoh China pula ialah Kong Fu Tze yang dikenali dengan aliran kepercayaan Konfusianisme.

Mukmin Profesional: Celik Mata Hati

Dr. Norabeerah binti Saforrudin
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Pahrol Mohamad Juoi
Penerbit : Telaga Biru dan
Fitrah Perkasa Sdn. Bhd.
Tahun : 2010

“Siapa diri kamu akan datang dicorakkan oleh buku apa yang kamu baca sekarang”.

“Orang yang perkasa mampu mengawal hati, akal dan nafsunya bagi mencapai misi hidup yang tepat dan jelas”.

Petikan di atas antara petikan yang terdapat pada kulit hadapan buku. Kulit buku ini jelas menunjukkan bahawa terdapat tujuh langkah memperkasa diri untuk menjadi mukmin profesional yang celik mata hati. Tetapi, ia membuatkan pengulas bertanya-tanya tentang beberapa istilah seperti mukmin profesional dan celik mata hati.

Buku ini membuka satu perspektif baharu bagi pengulas bahawa semua orang yang mengaku Islam perlu menjadi mukmin profesional, tiada pilihan sama ada kita bekerja sebagai golongan profesional, bukan profesional mengikut pengkategorian yang diberikan oleh nilai manusia, namun sebagai seorang pelajar, suri rumah, pengawal keselamatan, penjual air di tepi jalan atau dengan erti kata lain semua insan yang mengaku muslim perlu menjadi mukmin profesional.

Rupa-rupanya, buku ini adalah hasil modul yang telah dilaksanakan oleh Fitrah Perkasa Sdn. Bhd., yang telah dianggotai oleh pengarang selama lebih 15 tahun kepada banyak syarikat, organisasi dan kumpulan tertentu. Salah seorang peserta memberi testimoni bahawa program yang dikendalikan menggunakan

modul ini jauh lebih baik daripada program kaedah *Seven Habits* yang pernah dia ikuti di luar negara.

Bila diselak halaman demi halaman, banyak kata hikmah pengarang disulami di setiap bab. Muqadimah buku ini amat menarik perhatian pengulas. Pengarang menyertakan epigrafi iaitu ‘Pasangan hidup manusia ialah Islam, tanpanya manusia akan terpisah daripada ketenangan dan kebahagiaan’.

Buku ini mempunyai dua bahagian di mana di bahagian pertama mempunyai lima bab dan bahagian kedua menerangkan setiap tujuh langkah memperkasakan diri bagi membolehkan seseorang itu menjadi mukmin profesional.

Bab satu; pengarang menjelaskan tentang istilah mukmin dan professional mengikut perspektif Islam atau lebih tepat lagi mengikut definisi yang diberikan dalam al-Quran. Pengarang juga memberi contoh yang telah dilakukan oleh para nabi dan rasul yang memerlukan sifat dan ciri seorang mukmin professional. Lebih mengejutkan bagi pengulas, pengarang turut menyenaraikan kepakaran para nabi yang miliki bidang kepakaran kontemporari.

Bab kedua; pengarang mengupas bahawa ‘memberi’ adalah penting untuk untuk mempunyai kehidupan yang cemerlang. Seterusnya, pengarang menjelaskan bahawa memberi kepada orang lain bererti memberi kepada diri sendiri walaupun itu bukan maksud kita ketika mula memberi. Huraian bagi peranan memberi bagi beberapa golongan seperti ibu bapa, pelajar dan pekerja turut disentuh dengan terperinci. Pengarang juga menghuraikan peringkat memberi yang mungkin sebelum ini kebanyakan kita tidak melihat ia adalah salah satu ruang untuk memberi. Antara peringkat yang dihuraikan adalah peringkat keperluan fizikal dan material, keperluan akal, keperluan emosi dan keperluan jiwa atau spiritual. Beberapa cerita yang menarik turut dikisahkan. Pengarang menegaskan bahawa dengan menjadi pemberi, kita akan lebih gembira berbanding menjadi penerima. Sifat suka memberi juga adalah sunnah baginda Rasulullah S.A.W.

Bab ketiga; pengarang mengupas erti kecemerlangan dunia dan akhirat mengikut apa yang dikehendaki oleh Pencipta yang telah dinyatakan dalam al-Quran. Pengarang juga menyatakan kecemerlangan di dunia adalah petunjuk kecemerlangan di akhirat. Terdapat banyak huraian pengarang yang seolah-olah tidak seiring dengan arus paradigma semasa masyarakat. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat kita telah jauh daripada peta kehidupan iaitu al-Quran. Implikasi daripada itu, pelbagai gejala sosial dan kerosakan masyarakat boleh kita lihat pada masa kini. Istilah seimbang kehidupan dunia dan akhirat turut dikupas oleh pengarang dengan begitu teliti bagi memudahkan pembaca melihat sudut aplikasi di masa kini.

Bab keempat; pengarang mengupas tentang sikap positif sebagai penentu kejayaan. Pengarang menghuraikan beberapa dapatan kajian dan buku yang menekankan bahawa kebanyakan mereka yang berjaya adalah mereka yang mempunyai sikap yang positif. Ini menyangkal pendapat kebanyakan masyarakat yang berlebih-lebihan dalam memberi fokus terhadap kejayaan anak dalam bidang akademik kerana menganggap mereka yang gagal dalam pendidikan akademik akan malap kehidupan masa hadapan. Pengarang turut mengupas antara tanda individu yang bersikap positif adalah (i) yakin terhadap diri, (ii) mampu melihat positif terhadap orang lain, (iii) dapat melihat peluang dalam setiap keadaan, (iv) fokus pada penyelesaian bukan pada permasalahan, (v) dorongan yang tinggi untuk memberi, dan (vi) seratus peratus memikul tanggungjawab.

Bab lima; pengarang mengupas tajuk kesedaran celik mata hati dengan mengungkap kata-kata Saidina Ali R.A. iaitu “*Manusia yang hidup kebanyakannya tidur (leka), apabila mati baru mereka terjaga (tersedar)*”. Sebagai pengarang yang telah banyak menghasilkan buku, juga sebagai ketua editor bagi majalah, kolumnis beberapa majalah, personaliti televisyen dan radio, penceramah motivasi, pengarang buku ini turut kerap mengajak pendengar dan pembacanya untuk melihat perbezaan antara tahu dan sedar. Di dalam bab ini, kupasan serta contoh turut diberikan kepada pembaca dengan pendekatan yang amat menarik. Selain itu, dalam bab ini juga pengarang menghuraikan bentuk pandangan manusia dalam memandang apa sahaja di dunia ini dengan empat bentuk pandangan iaitu (i) pandangan mata, (ii) pandangan akal, (iii) pandangan nafsu, dan (iv) pandangan mata hati. Pada pendapat pengulas, kupasan yang diberikan oleh pengarang terhadap bentuk pandangan ini juga mencelikkan pengulas bahawa sudut pandang yang mana yang kerap digunakan dalam melalui kehidupan ini. Tidak hairanlah jika kita dapati kebanyakan daripada kita mengalami stres yang melampau, hilang ketenangan dan tidak bahagia. Pemilihan sudut pandang itu amat memberi kesan terhadap ketenangan dan kebahagiaan kita dalam melalui setiap detik perjalanan kehidupan yang penuh dengan ujian ini. Pastinya sudut pandang Allah S.W.T. melalui al-Quran yang digunakan sebagai pandangan mata hati kitalah yang terbaik perlu dilatih kepada diri dan keluarga kita. Huraian berkaitan ini boleh kita baca di halaman 96, subtajuk ‘Melihat Hidup dari kaca mata Pencipta kehidupan’.

Bahagian kedua buku ini membincangkan tentang tujuh langkah dalam mencari kesedaran, berdasarkan surah al-A’raf (7:179). Jentikan lembut pengarang, benar-benar membuat pengulas melihat kembali perjalanan kehidupan yang telah dilalui. Adakah diri ini benar-benar jelas tentang mengapa diri ini dihidupkan, ke mana arah tuju kehidupan ini dan ke mana akhirnya kehidupan ini? Jelas dengan erti kata sedar bukan sekadar tahu. Kesedaran itu boleh

menggerakkan diri ini untuk mara ke hadapan dengan misi hidup yang jelas dan tepat iaitu untuk bertemu dengan Penciptanya.

Langkah Satu; ‘Hidayah: Petunjuk Hidup’. Pengarang memberi analogi bahawa setiap insan adalah pengembara. Mengembara dari pelbagai bentuk alam, dari alam roh ke alam dunia dengan singgah sebentar di alam rahim. Selepas melalui kehidupan dunia, manusia ke alam barzakh sebelum meneruskan perjalanan ke alam mahsyar. Setelah dibicarakan di sana, manusia bermukim di alam syurga yang penuh nikmat atau di alam neraka yang penuh azab. Oleh itu, peranan hidayah atau petunjuk itu amat penting dalam melalui kehidupan dunia ini yang sering melalaikan.

Langkah Dua; ‘Ibadah: Tujuan Hidup’. Memang menjadi satu pencerahan kepada pengulas bila membaca epigrafi yang disediakan iaitu, ‘Dunia akan menyediakan jalan kepada orang yang mempunyai tujuan’. Tersenyum sendiri dibuatnya. Pengarang mengajak pembaca untuk sering berdoa, meminta kepada Allah S.W.T. bukan hanya selepas solat atau di tempat tertentu, masa tertentu atau majlis tertentu. Pengarang membawa pembaca untuk melihat semula misi dan visi kehidupan. Pengarang juga mengajak pembaca untuk sama-sama selarikan misi dan visi kehidupan kepada misi dan visi yang tercatat dalam al-Quran mengikut kehendak Pencipta. Kupasan pengarang membantu pengulas memahami frasa, *missing link* kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat pengulas selama ini. Kefahaman tentang hidup ini adalah ibadah dan bagaimana ia bukan ‘pengganggu’ dalam mencapai kejayaan akhirat turut dikupas oleh pengarang dengan panjang lebar sehingga ‘Langkah Dua’ ditulis dalam dua bab yang berbeza. Penekanan tentang bos kita adalah Tuhan membawa pembaca untuk mengaplikasikan ikhlas dalam bekerja dan melakukan kerja dengan *itqan* iaitu terbaik.

Langkah Tiga; ‘Syariat: Jalan Kehidupan’. Sekali lagi, pengarang memberi satu pencerahan tentang kebahagiaan iaitu, kebahagiaan itu bukan hanya ada di hujung jalan tetapi sepanjang jalan. Perspektif ini memang jauh dengan nilai kebanyakan masyarakat kita yang merasakan apabila telah memperoleh kejayaan seperti kekayaan, pangkat, kedudukan, pencapaian akademik tertinggi, mempunyai isteri atau suami atau anak-anak yang hebat dan kesihatan yang baik sebagai bahagia serta menganggap bahagia itu bila di hujung setiap perkara di atas. Pengarang juga menegaskan peri pentingnya pemilihan jalan yang betul bagi membolehkan tujuan tercapai.

Langkah Empat; ‘Solat: Bekalan Hidup’. Satu formula yang menarik telah diutarakan oleh pengarang iaitu, untuk memperbaiki manusia, baiki hatinya, dan untuk membaiki hati manusia, baiki dahulu solatnya. Pembaca akan disedarkan impak solat dalam kehidupan seseorang individu dan seterusnya impak kepada organisasi. Tidak hairanlah jika kita lihat kebanyakan syarikat atau organisasi

yang 'kurang masalah', disiplin pekerja adalah syarikat atau organisasi yang mementingkan solat di awal waktu dan menggalakkan pekerjanya mengerjakan solat sunat seperti solat Dhuha.

Langkah Lima; 'Zikir: Pendorong Hidup'. Hidup di dunia ini memang tidak dapat lari daripada ujian. Ini telah termaktub dalam surah al-Kahfi (ayat 7), sama ada ujian ketika senang atau susah; ketika sihat atau sakit; ketika berjaya atau gagal. Semua ujian ini mengukur tahap keimanan dan kekufuran seseorang. Maka, zikir adalah kunci agar hati ini tenang melaluinya dalam apa jua keadaan dengan mengingati Tuhan, terutama membaca al-Quran.

Langkah Enam; 'Dosa: Penghalang Hidup'. Antara ayat yang menarik untuk renungan pembaca adalah dosa itu meresahkan jiwa kerana orang yang berdosa bukan sahaja menentang Ilahi tetapi menentang hati nuraninya sendiri. Pengarang juga mengajak pembaca untuk belajar daripada pendosa. Perkara ini sememangnya menarik kerana kebiasaannya, kita diajak untuk belajar daripada orang yang beriman atau berjaya.

Langkah Tujuh; 'Mati: Pengakhiran Hidup'. Sekali lagi, pengulas agak tersentak dengan epigrafi menarik yang ditulis dalam langkah tujuh iaitu 'Perjalanan menuju kematian telah bermula sejak kita dilahirkan'. Seterusnya, pengarang menegaskan dalam perspektif berbeza dalam melihat sebuah kematian. Beliau menegaskan bahawa mati bukan sesuatu yang pasif dan jumud, bahkan sesuatu yang aktif, dinamik dan produktif. Bukan soal kematian itu sahaja yang menjadi fokus tetapi bekalan untuk melalui dan melepaskannya itu yang lebih utama.


Huraian yang diberikan menginsafkan pengulas dan memberi ruang untuk memikir kembali kepada sesuatu yang pasti iaitu sebuah kematian. Walaupun buku ini mempunyai bahan yang berat bagi pembaca, namun ilustrasi dan karikatur yang digunakan dalam kebanyakan halaman mengurangkan rasa sukar untuk menghadam kandungan yang ingin disampaikan oleh pengarang. Tambahan pula, ayat persuasif yang digunakan oleh pengarang serta contoh aplikasi dalam kehidupan yang memang dekat dengan situasi pembaca dan masyarakat kita membuatkan ia lebih santai tapi berkesan.

Pengulas mencadangkan agar setiap keluarga perlu memiliki buku ini. Didiklah anak-anak dan ahli keluarga agar menjadi mukmin profesional. Hanya dengan transformasi di peringkat individu dan keluarga maka masyarakat kita juga akan mendapat kesan transformasi. Justeru, modul modal insan yang ditulis dalam buku ini amat sesuai dijadikan modul pembangunan profesional staf kepada kebanyakan organisasi. Malah, sebagai institusi pendidikan guru, program induksi kepada guru permulaan dan pensyarah baharu juga amat sesuai digunakan.

Seterusnya, pengarang telah berjaya membawa pembaca melihat bahawa Islam adalah untuk semua dan al-Quran adalah panduan untuk semua (alam dan manusia), bukan untuk orang Islam sahaja. Dengan panduan al-Quran, setiap insan perlu berperanan untuk menjadi (rahmat kepada sekalian alam) itu dapat disebarluaskan. Setiap insan bergelar muslim perlu berusaha untuk menjadi mukmin profesional walau apa pun latar kehidupan, pekerjaan, tahap pendidikan dan peranan kita boleh membentuk masyarakat yang positif, produktif dan proaktif yang berjaya di dunia dan akhirat.

Apabila Haiwan Menjadi Guru

Mohd. Azhar bin Ab. Rahman
(IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.)



Pengarang : Sahrul Azmi bin Sidek
Penerbit : Karna Dya Solutins Sdn. Bhd.
Tahun : 2009

Buku yang bertajuk ‘Apabila Haiwan Menjadi Guru’ dikarang oleh Sahrul Azmi bin Sidek ini memaparkan kepada kita pengajaran-pengajaran yang boleh diambil daripada penciptaan haiwan oleh Allah S.W.T. Pasti setiap kejadian Allah S.W.T. itu mempunyai hikmah dan panduan yang boleh diambil oleh manusia sebagai panduan hidup dan pengajaran berguna dalam menyelusuri kehidupan ini. Justeru, buku ini membicarakan tentang pengajaran-pengajaran daripada haiwan-haiwan yang disebut oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quranul Karim. Haiwan-haiwan tersebut ialah lembu, lebah, semut, labah-labah, keldai, anjing, gajah, rama-rama, burung belatuk, babi, belalang, katak, serigala, ular, kutu dan gagak.

Pengulas sangat teruja dan kagum dengan gaya penulisan dan olahan yang ditulis oleh pengarang kerana setiap penceritaannya tentang haiwan yang disebut oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran diselit ayat-ayat al-Quran, hadis dan hukamat serta kisah-kisah di zaman terdahulu untuk menyokong hujah yang dituliskannya. Gaya bahasa yang santai dan menyeronokkan mampu menarik minat pembaca untuk menghayati tajuk-tajuk dalam buku ini.

Banyak pengajaran yang boleh diambil dalam buku ini, antaranya ialah pengulas menyedari dan meyakini bahawasanya setiap penciptaan Allah S.W.T. itu ada tujuan dan pengajaran yang boleh diambil bagi orang-orang yang berfikir. Mungkin pada pandangan manusia, kita beranggapan bahawa darjat manusia adalah lebih tinggi daripada haiwan. Namun apabila menghayati buku ini, pengulas boleh simpulkan bahawa darjat manusia sebenarnya lebih rendah

daripada haiwan sekiranya kehidupannya tidak bertunjangkan al-Quran dan hadis. Sesuai dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya, kami ciptakan manusia itu sebaik-baik kejadian, kemudian kami kembalikannya ke tempat serendah-rendahnya, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka mendapat pahala yang tidak putus-putus”.

(Surah at-Tin: Ayat 3-6)


Sebagai contoh yang ditulis oleh oleh pengarang berkenaan pepatah Melayu, ‘bodoh macam lembu’ atau seperti ‘lembu dicucuk hidung’. Realitinya, lembu yang dianggap bodoh oleh manusia, bila senja akan pulang ke kandangnya, berbeza dengan manusia, waktu senja adalah waktu yang ramai orang pergi ke pasar-pasar malam hingga sanggup meninggalkan solat maghrib.

Cara hidup haiwan itu adalah fitrah yang dijadikan oleh Allah S.W.T. sebaliknya manusia melanggar fitrah yang ditetapkan oleh Allah S.W.T., bahkan diturunkan al-Quran sebagai panduan hidup manusia. Banyak lagi kisah-kisah yang menarik telah diterangkan oleh pengarang dalam buku kecil ini yang boleh dijadikan pengajaran, antaranya, binatang yang bernama semut yang mementingkan kerjasama dan semangat berpasukan, burung belatuk yang mengajar manusia bagaimana untuk menguruskan orang yang telah mati, kisah anjing yang mengangkat sebelah kakinya apabila membuang najis, sebuas-buas serigala ia tidak memfitnah dan sebagainya. Banyak lagi kisah dan penceritaan yang menarik dalam buku ini.

Melalui pembacaan dan penghayatan buku ini, pengulas dapat mempelajari banyak ilmu yang berkaitan dengan kerjasama, semangat berpasukan, akhlak manusia sesama manusia, berfikir secara positif dan meyakini kehebatan Allah S.W.T. menjadikan makhluk yang bernama haiwan ini. Selain daripada itu, ia juga menerapkan nilai-nilai kasih dalam diri terhadap haiwan di sekeliling kita dan mengetahui nama-nama haiwan yang disebut di dalam al-Quranul Karim. Diharapkan agar para pembaca dapat membaca dan menghayati buku ini untuk mengambil pengajaran daripada haiwan-haiwan yang diciptakan oleh Allah S.W.T.

The Skillful Teacher

Tan Jun Cheng
(IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor)



Pengarang : S.D. Brookfield
Penerbit : John Wiley & Sons, Inc.
Tahun : 2006

Sebagai seorang pendidik yang sudah sekian lama berkecimpung dalam bidang pendidikan, amalan yang sentiasa pengulas gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berdasarkan kepada pengalaman berbanding dengan teori dan ilmu yang dipelajari selama ini. Lama kelamaan, model pengajaran yang stereotaip dan statik wujud tanpa disedari.

Buku ini telah memberi peluang kepada pengulas untuk membuat refleksi diri dan mengingat kembali pengetahuan yang mungkin sudah dilupai. Di sini, pengulas ingin memfokuskan pada satu bentuk pengajaran yang sudah menjadi rutin semasa tutorial, iaitu mengadakan sesi perbincangan dalam kelas. Pengulas selalu mengharapkan perbincangan yang hangat daripada pelajar. Tetapi melalui pembacaan buku ini, Brookfield telah mengingatkan bahawa ada kalanya kita perlu juga meluangkan masa untuk pelajar melakukan refleksi secara senyap. Perbincangan yang bernilai kadang kala memerlukan masa berfikir secara senyap daripada setiap ahli.

Selama ini, pengulas hanya memikirkan tentang cara mendapatkan penyertaan yang aktif daripada pelajar dalam perbincangan. Pengulas percaya hanya dengan penyertaan penuh daripada pelajar barulah berjaya mewujudkan perbincangan yang hangat dalam kalangan pelajar. Pengulas juga cenderung mendesak pelajar untuk memberi pandangan dan pendapat sendiri berdasarkan hasil kerja ataupun pembentangan kawan. Brookfield telah memberi pencerahan tentang perbincangan yang lebih terbuka. Pengulas mula menyedari bahawa sesuatu perbincangan yang bermakna memerlukan juga pendengaran secara aktif

daripada pelajar. Pengulas telah mengabaikan perkara ini semasa perbincangan dilaksanakan. Sesungguhnya, pelbagai peranan boleh diagihkan di dalam kelas. Contohnya, perumus maklumat, penyokong hujah, pembantah hujah, penyoal, pengulas hujah, pemuji, pengkritik, penterjemah dan sebagainya. Semua pelajar harus diberi peluang untuk memainkan peranan yang berbeza secara bergilir-gilir setiap kali sesi perbincangan diadakan. Kesemua peranan ini juga memerlukan masa senyap untuk berfikir sebelum memberi respon kepada kawan.

Satu konsep penting yang cuba diterangkan oleh Brookfield ialah 'Pengajaran Responsif Kritikal' (*Critical Responsive Teaching*). Terdapat dua ciri penting dalam pengajaran responsif kritikal iaitu konsep kritikal dan pengajaran responsif. Konsep kritikal merangkumi dua tahap: (i) Menggunakan falsafah kritikal dalam proses mengajar dan (ii) Memupuk daya pemikiran kritikal pelajar. Pengajaran responsif merujuk kepada inisiatif guru untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dengan persekitaran pembelajaran. Untuk itu, guru perlu memahami pengalaman dan cara pelajar belajar. Bertitik tolak dari sudut pelajar, guru perlu mengetahui apa yang telah dipelajari oleh anak muridnya, apa yang mereka perlu belajar dan bagaimana untuk belajar. Sekiranya, guru dapat memberi respon secara kritikal kepada cara pelajar belajar, pelajar akan lebih jelas dengan keupayaan dan kelemahan diri. Strategi yang paling sesuai boleh dipilih untuk pembelajaran optima. Pengajaran responsif juga membolehkan guru saling berganti di antara strategi pembelajaran sendiri dengan pembelajaran koperatif. Pembelajaran sendiri membolehkan pelajar belajar dalam kadar kebolehan dan masa mereka sendiri. Pembelajaran koperatif pula membolehkan perkongsian idea dan pemeriksaan idea sendiri. Individu dalam kumpulan dikehendaki menunjukkan kefahaman masing-masing dan memainkan peranan berbeza secara bergilir-gilir. Kemahiran sosial dan pemprosesan kumpulan turut digalakkan.

Dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, apa yang kita cuba lakukan kadang kala tidak seperti mana yang kita rancang. Pengajar dan pelajar saling mempengaruhi dalam proses interaksi dua hala. Analisis reflektif membolehkan guru mengesan insiden kritikal yang berlaku sepanjang proses pelaksanaan, mencari punca masalah dan menemui cara penyelesaian masalah. Seorang guru yang sentiasa memikirkan kekurangan diri dan berusaha untuk membuat penambahbaikan akan dapat mempengaruhi pelajar untuk mencontohi dan mengikuti tabiat yang baik itu. Proses refleksi akan dapat dipelajari dan dipindah kepada pelajar untuk merenung kembali apa yang telah mereka pelajari. Ini bukan saja dapat membantu meningkatkan tahap pengajaran guru malah dapat membantu pelajar memajukan diri dalam proses pembelajaran.


Pernahkah anda berfikir, bagaimana hendak menamatkan kuliah dengan menarik dan merangsangkan? Ulang isi-isi penting atau membuat rumusan secara

keseluruhan terhadap topik yang dibincangkan sudah tentu bukan pilihan terbaik. Antara cadangan Brookfield termasuklah mencari persoalan yang boleh diperbincangkan dengan lebih lanjut, menyebut isu-isu yang boleh diperdebatkan lagi atau menyenaraikan soalan-soalan yang memerlukan kemahiran berfikir pelajar. Kesemua ini dapat menggalakkan pelajar terus meneroka dalam bidang yang mereka ceburi dan tidak hanya menerima ilmu sepenuhnya daripada guru semata-mata.

Pengulas yakin, dengan menyerap unsur atau nilai baharu dalam strategi pengajaran, ia akan membantu mengubah proses dan suasana dalam pembelajaran. Bagi pengulas, buku ini amat praktikal dan dapat memberi inspirasi kepada sesiapa yang ingin mencuba ke arah yang lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Creative and Abstract - Painting Techniques (10 step-by-step projects)

Che Yusoff b. Che Hasan
(IPG Kampus Pulau Pinang, Pulau Pinang)



Pengarang : Brian Ryder
Penerbit : David & Charles Book
Tahun : 2010

Sebagaimana judulnya, buku ini memfokuskan kepada cara menghasilkan lukisan abstrak yang kreatif dengan menggunakan teknik-teknik tertentu. Setiap satu karya difokuskan kepada 10 langkah bagi menghasilkan karya abstrak yang kreatif. Pengarang telah memberikan 10 seksyen atau bab dengan tema-tema yang dipilih yang ada kaitan pengalaman hidup pengarang sendiri selama 35 tahun terlibat dalam dunia lukisan.

Pengarang juga bukan sahaja memfokuskan kepada penghasilan karya bercorak fizikal melalui alam benda dan haiwan, (*Urn and Peacock*), alam bunga (*Water Lilies, Lavender Fields, Poppy Fields*), persekitaran (*Quayside, Birchwood, dan Hunstanton Cliff, Sourthern Ocean*) malah memuatkan karya yang melibatkan alam emosi (*Hope and Despair II and Descending into Blues*) yang mana ada perkaitan dengan sejarah hidupnya sendiri. Misalnya, karya *Hope and Despair II* dihasilkan ada kaitan dengan sejarah hitam hidupnya yang kehilangan sahabat di lautan. Oleh yang demikian, pemilihan warna adalah sangat penting bagi menggambarkan sesuatu ekspresi, apa lagi yang melibatkan emosi yang mendalam.

Pengulas berpendapat, pengarang buku ini berjaya menghasilkan sebuah buku yang baik bagi peminat seni lukisan abstrak kerana setiap langkah yang diterangkan satu per satu disertai pula dengan contoh karya (lukisan) dari langkah pertama hingga ke langkah akhir sehingga terbina hasil sebenar karya abstrak

yang lengkap. Pada setiap karya yang sudah siap terhasil ada diberikan penerangan mengenai warna yang digunakan, teknik dan mengapa beliau memilih komposisi tersebut yang kesemuanya ada kaitan dengan perasaan atau emosi.

Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak

Pauzi Bin Yusoff
(IPG Kampus Dato' Razali Ismail)



Pengarang : Mohd. Hairudin Amin dan
Kamarul Azmi Jasmi
Penerbit : UTM Press
Tahun : 2011

Buku yang bertajuk 'Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak' merupakan satu garapan idea penulisan berbentuk akademik yang sarat dengan budaya penyelidikan semasa tanah air. Namun, untuk memahami buku ini tidaklah sukar, lantaran citra yang ingin disampaikan oleh pengarang banyak berkisar mengenai kronologi pendidikan sekolah agama di Johor. Penulisan ini tidak terarah kepada historikal semata-mata, bahkan ia turut menggabungkan dengan konsep pendidikan akhlak. Oleh yang demikian, kelahiran buku ini amat tepat pada masanya ketika mana pelbagai isu disiplin dan keruntuhan akhlak pelajar-pelajar sekolah dilihat semakin membarah. Istimewanya buku ini dapat dilihat dari pelbagai dimensi yang menelusuri sempadan bahasa, elemen penyelidikan, perkongsian maklumat dan pemikiran masa hadapan. Keampuhan pendidikan akhlak menjadi nadi penggerak jiwa pembina bangsa berjaya dan bertakwa dalam diri seseorang pelajar dan ianya perlu seiring dengan pembelajaran akademik yang lain. Terdapat 10 bab yang cuba diketengahkan pengarang meliputi aspek (i) sejarah perkembangan sekolah pendidikan Islam di Johor, (ii) budaya pembelajaran akhlak, (iii) pencapaian akademik, dan (iv) usaha kecemerlangan sahsiah diri pelajar di sekolah agama di Johor. Pada pendapat pengulas, buku ini sangat berguna untuk dibaca kerana konsep yang cuba dibawa akan membantu para pembaca memahami erti falsafah pendidikan unggul selari dengan tuntutan agama Islam.

Buku ini sangat sesuai untuk dibaca dan dijadikan panduan kepada para guru dan penyelidik kerana ruang perbincangannya yang bersifat akademik.

Melalui pembacaan ini, para pembaca dapat mengutip sinar ilmu yang meluas dari sudut data, historikal, sisipan pengkajian dan terjahan pandangan yang kritis. Melaluinya dapat kita menyimpulkan satu falsafah yang mendalam bahawa dalam membentuk keperibadian unggul manusia elemen pemupukan akhlak mestilah seiring dengan pendidikan akademik. Andai penghayatan akhlak tidak dibawa seiring, nescaya pincanglah sesebuah masyarakat.

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam buku ini dapat dibahagikan kepada tiga dimensi utama iaitu (i) sejarah dan sistem pendidikan Islam di Johor, (ii) isu pendidikan akhlak, dan (iii) cadangan penambahbaikan sistem pendidikan pada masa hadapan. Memandangkan buku ini berasal daripada sebuah tesis PhD, maka pengarang telah membawakan hujah, bukti, sumber dan data ilmiah yang sangat jelas bagi menyokong penulisannya. Dari aspek persembahan gaya bahasanya pula cukup mudah untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam bab pertama, pengarang memulakan dengan membincangkan tentang kronologi sejarah pendidikan Islam di Johor. Negeri Johor merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak ada sistem pengajian pondok. Namun, negeri ini disifatkan sebagai negeri yang paling tersusun dalam aspek pengurusan sistem persekolahan agamanya. Gambaran awal tentang pendidikan agama Islam bermula dari tahun 1862 sehingga 1895, di bawah sistem pentadbiran moden Sultan Abu Bakar yang turut melakukan pemodenan dalam sistem pendidikan sekolah. Jabatan Pelajaran ditubuhkan seawal tahun 1883 untuk menguruskan hal ehwal pendidikan di bawah seliaan Datuk Bentara. Sekitar abad ke 19, tahap kesedaran beragama dalam kalangan rakyat Johor begitu menggalakkan. Peranan masjid dilihat banyak membantu bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang beragama. Semangat anti penjajah Inggeris turut menyedarkan lagi betapa pentingnya mempertahankan sistem pendidikan agama di Johor. Sistem pengurusan sekolah agama telah dirangka dengan baik dan mampu menyaingi sekolah Inggeris.

Dalam bab dua pula, pengarang menerangkan tentang fungsi bagi ketiga-tiga bahagian yang mentadbir sekolah agama di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Bahagian Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) mengendalikan dua buah sekolah iaitu Maahad Johor dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor di Kluang. Bahagian Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) pula menguruskan 542 buah sekolah di seluruh Johor. Manakala, bahagian Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) mengendalikan sebanyak lapan buah sekolah. Pengarang turut menjelaskan tujuan penubuhan Maahad Johor dalam membantu pelajar-pelajar aliran SAR dan SMKJ melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam bab tiga, pengarang membincangkan tentang lapan buah sekolah agama yang dikendalikan oleh KPM (SMKA, SABK, dan SBPI) dan 33 buah sekolah swasta (sekolah menengah, rendah dan tahfiz) di negeri Johor.

Bab empat pula membincangkan tentang sekolah agama SRAR dan SMAR yang disifatkan oleh pengarang sebagai sekolah paling tua di Johor yang dikendalikan oleh MAIJ. Sejak tahun 1930-an lagi, pihak MAIJ telah menghantar pelajar-pelajar Johor ke Kaherah dan Beirut. Terdapat 15 buah sekolah SMAR dan 20 buah SRAR di Johor. Bahasa pengantar bagi sekolah ini adalah bahasa Arab.

Sejarah penubuhan SMAR, sekolah agama yang dikatakan hasil daripada usaha gigih para ulama, hartawan dan orang kenamaan Johor, dibincangkan secara terperinci dalam bab lima. Tauhid, fiqah, hadis, nahu dan sorof diajar di SMAR di samping mata pelajaran lain. Dalam tahun 1950-an, sekolah agama ini sangat dikagumi dan dihormati oleh masyarakat Johor. Pada tahun 1987, kemasukan aliran akademik ke dalam sistem persekolahan ini amat bertepatan dengan perkembangan semasa.

Dalam bab enam, pengarang membincangkan berkenaan dengan perkembangan semasa SMAR. Peranan yang dimainkan oleh SMAR cukup besar dalam pembinaan masyarakat Melayu sejak belum merdeka lagi. Kronologi SMAR ini bermula sejak tahun 1960 sehingga tahun 2007. Jumlah pelajar di SMAR mula meningkat pada tahun 2007 disebabkan keyakinan ibu bapa terhadap sistem pendidikan yang ditawarkan di SMAR. Selain daripada kurikulum kebangsaan, SMAR turut menggunakan kurikulum al-Azhar. Begitu juga dengan kegiatan kokurikulum yang turut diberi penekanan dalam SMAR. Penekanan terhadap akhlak amat dititikberatkan oleh pengurusan SMAR.

Dalam bab tujuh, pengarang membincangkan berkenaan metodologi kajian akhlak. Metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data melalui kaedah temu bual separa struktur, soal selidik, dan pemerhatian. Analisis data merangkumi data kualitatif dan kuantitatif.

Dalam bab lapan, pengarang menjelaskan tentang hasil dapatan yang menunjukkan tahap penghayatan akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi. Dua pola utama yang kelihatan menonjol adalah tahap penghayatan akhlak yang tinggi yang berkaitan dengan prinsip asas akidah Islam dan perintah agama. Manakala, tahap penghayatan akhlak yang rendah pula yang berkaitan dengan kesungguhan menjaga waktu solat dan adab pergaulan dalam konteks hidup bermasyarakat.

Dalam bab sembilan pula, pengarang menjelaskan berkenaan dengan membina generasi berakhlak. Sistem pendidikan yang menitikberatkan akhlak menjadi teras bagi menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Selama lima tahun mereka berada di SMAR, sedikit sebanyak akan membentuk akhlak dan peribadi pelajar sendiri melalui persekitaran yang dibentuk di SMAR.

Bab 10 membincangkan tentang memperkasakan SMAR dalam melahirkan cerdik pandai yang berakhlak, beriman dan bertakwa yang dapat berperanan mendidik masyarakat memahami agama Islam. Pengarang juga memberi beberapa cadangan antaranya kaedah 'belajar terus belajar' perlu diterapkan dalam diri pelajar dan sepatutnya ia disokong oleh semua pihak. Kemudahan infrastruktur perlu diberi perhatian serius agar ia dapat membantu proses pembelajaran; program pembangunan insan hendaklah ditakwimkan agar peruntukan dapat disediakan, program-program berbentuk kemahiran insaniah seperti aktiviti KULTUM, KULIM dan *mentor-mentee* perlu diterapkan, kemudahan untuk guru dan staf perlu diberi perhatian dengan membina rumah guru dan staf di dalam kawasan sekolah. Pengarang turut menyarankan agar semua staf sekolah tidak terlibat dengan politik kepartian.

Guru Sebagai Penyelidik

Ani Salwiah binti Zakaria
(IPG Kampus Dato' Razali Ismail)



Pengarang : Abdul Rahman Abdul Majid Khan
Penerbit : PTS Profesional Publishing
Sdn.Bhd.
Tahun : 2009

Buku ini membincangkan tentang pengertian penyelidikan, jenis-jenis kajian dan lebih berfokus kepada jenis kajian tindakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain itu, dijelaskan juga proses melaksanakan kajian tindakan, merangka pelan tindakan pengurusan projek dan menyediakan kertas cadangan. Pendokumentasian laporan juga dibincangkan dengan menunjukkan contoh-contoh yang boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan kajian tindakan di sekolah. Bahagian akhir buku ini membincangkan tentang penyeliaan pengajaran dan kajian tindakan iaitu menjelaskan kedudukan kajian tindakan dalam konteks penyeliaan pengajaran dan bagaimana pendekatan penyeliaan boleh menggalakkan kajian tindakan. Buku ini sangat sesuai digunakan oleh guru-guru di sekolah sebagai panduan secara ilmiah bagi mengendalikan kajian tindakan.

Pengarang telah mengemukakan satu panduan kepada guru dalam melaksanakan kajian tindakan di sekolah secara sistematik. Pada bahagian awal, buku ini menjelaskan tentang pengertian penyelidikan yang merangkumi jenis-jenis kajian, kajian asas, kajian gunaan, kajian deskriptif dan kajian tindakan. Seterusnya, penekanan diberikan kepada kajian tindakan yang menghuraikan model-model perkembangan profesional, dan kajian tindakan sebagai alat inkuiri bagi membantu dalam perkembangan staf.

Pengarang buku ini juga menjelaskan definisi dan huraian kajian tindakan, kepentingan kajian tindakan, aspek pendekatan dan persekitaran kajian serta pendekatan dan model-model kajian tindakan. Pengarang buku ini berpendapat

dengan menggunakan kaedah kajian tindakan, boleh membantu guru-guru dalam inkuiri berkaitan pembelajaran di kelas. Kaedah ini jugadidapati berkembang sebagai satu usaha ke arah perubahan dan meningkatkan mutu pendidikan. Beliau juga berpendapat bahawa dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia perkara berkaitan pelajar dan konteks kehidupan adalah perkara yang perlu difahami secara jelas. Masing-masing pelajar ada kelompok-kelompok etnik, agama, bahasa, budaya, status sosioekonomi, persekolahan rendah yang pelbagai dan dari latar belakang yang berlainan. Impaknya, mereka datang dengan pelbagai pengalaman kognitif, budaya dan sosial yang berbeza-beza yang perlu disatukan, khususnya di sekolah-sekolah menengah. Demi menghadapi cabaran-cabaran seperti ini dalam menyokong pembelajaran pelajar-pelajar seperti ini, guru perlu mempelajari pendekatan-pendekatan pedagogi, pengurusan kelas dan psikologi kanak-kanak ataupun remaja yang terkini, bersesuaian dengan kebolehan yang pelbagai dalam konteks sosio-budaya kehidupan di Malaysia. Keadaan ini memerlukan guru untuk melakukan kajian tindakan, dalam usaha mempertingkatkan mutu profesional guru ke arah menambahbaik amalan sendiri dalam sebarang situasi sosial.

Bab seterusnya adalah huraian mengenai proses kajian tindakan yang merangkumi merancang kajian, merancang tindakan, pelaksanaan tindakan, pemerhatian bagi mengutip data dan mereflek. Pengarang buku ini berpendapat bahawa merancang tindakan adalah tindakan yang paling penting dan wajar dilakukan supaya kajian dapat berjalan dengan licin dan berfokus dengan hala tuju yang jelas. Kesan kepada perancangan yang betul adalah kebarangkalian bagi mencapai matlamat akan menjadi semakin positif. Dalam konteks sekolah, pengarang menyarankan cabaran-cabaran yang timbul dalam pelbagai bidang yang boleh dijadikan ruang lingkup kajian seperti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum, sumber manusia, hal ehwal murid, ibu bapa, badan-badan swasta dan pihak NGO.

Pengarang turut mencadangkan cara menyediakan pelan tindakan pengurusan projek kajian tindakan dan kertas cadangan bagi membolehkan guru-guru menerangkan aktiviti-aktiviti yang perlu bagi mencapai objektif, mengaitkan aktiviti yang akan dilakukan dengan aktiviti yang lain dan kerangka masa dan kronologi aktiviti-aktiviti atau tugas serta akhirnya proses penilaian yang perlu dilaksanakan. Pengarang menyediakan format menyediakan kertas cadangan kajian tindakan mengikut cadangan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai panduan.

Laporan kajian adalah dokumen penting dalam menjalankan penyelidikan, telah dibincangkan oleh pengarang di topik terakhir. Menurut pengarang, laporan adalah bukti kajian yang berkaitan telah dilaksanakan dan ia boleh digunakan

sebagai bahan rujukan apabila perlu di masa akan datang. Berpandukan laporan-laporan berkenaan, guru mampu melaksanakan semula amalan-amalan mengajar yang berkaitan dengan sistematik dan yakin. Format laporan yang dijelaskan melingkungi bahagian pengenalan, bahagian utama dan penutup. Bab ini boleh menjadi panduan untuk guru bagi menulis laporan-laporan kajian termasuklah kajian tindakan.

Bab terakhir buku ini adalah berkaitan dengan penyeliaan pengajaran dan kajian tindakan dengan mengupas kedudukan kajian tindakan dalam konteks penyeliaan pengajaran dan pendekatan penyeliaan dalam menggalakkan kajian tindakan. Pengarang menyatakan dalam konteks sekolah, kepemimpinan penyeliaan pengajaran adalah usaha-usaha di mana fungsi-fungsi pengurusan seperti merancang, mengorganisasi, memimpin, mengawal, menilai dan menambahbaik yang berkaitan dengan bidang-bidang pentadbiran utama melibatkan staf, pelajar, komuniti, kurikulum, pengajaran dan kewangan dapat dijalankan dengan cekap dan pada masa yang sama dapat mewujudkan komuniti berilmu. Hal ini dikatakan demikian, memandangkan kajian tindakan adalah keputusan berasaskan kefahaman yang melibatkan usaha guru-guru secara inkuiri dan persendirian iaitu seorang atau pun beberapa orang guru, maka pendekatan secara penyeliaan oleh pihak atasan adalah sesuatu yang tidak wajar. Sebaliknya, penyeliaan yang dicadangkan adalah penyeliaan delegasi di mana guru-guru bebas melakukan pembaharuan dengan pemantauan minima oleh penyelia, di mana penyelia bertindak sebagai pemerhati selepas tanggungjawab dan amanah diperjelaskan.

Kesimpulannya, buku ini sangat sesuai sebagai panduan kepada guru-guru yang ingin memulakan penyelidikan dalam kajian tindakan khususnya dalam menambahbaik pengajaran dan pembelajaran kerana ia memberi bimbingan kepada guru menjalankan kajian tindakan secara sistematik, terancang dan jelas prosedurnya.

Undang-Undang Untuk Pengetua & Guru Besar

Rodhiana Binti Rosli
(IPG Kampus Dato' Razali Ismail)



Pengarang : Mohd. Ismail Othman
Penerbit : PTS Professional Publishing
Sdn. Bhd.
Tahun : 2008

Buku 'Undang-undang Untuk Pengetua & Guru Besar' ini adalah karya Mohd. Ismail Othman. Buku edisi ketiga ini diterbitkan pada tahun 2008 dengan menegenahkan isu-isu perundangan yang perlu difahami. Penghasilan buku ini bertujuan untuk membantu pentadbir sekolah dalam mempraktikkan amalan pengurusan yang betul berteraskan undang-undang, peraturan dan surat-surat pekeliling ikhtisas yang sedang berkuatkuasa yang dapat dijadikan panduan dalam proses menguruskan disiplin di sekolah. Buku ini turut memaparkan kes-kes yang telah dibicarakan di mahkamah sebagai pedoman dan panduan seandainya berlaku kes-kes sedemikian di sekolah. Buku yang ditulis dalam tujuh bab ini bukan sahaja sesuai untuk dibaca dan dipraktikkan oleh pengetua dan guru besar tetapi juga sesuai untuk semua guru di Malaysia.

Buku ini dimulakan dengan bab pertama berkaitan 'Keperluan Akta Baru Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan'. Sebelum pengarang menjelaskan perkara utama bab ini, pengarang terlebih dahulu menceritakan kronologi berkaitan perundangan pendidikan di Malaysia dengan huraian berkaitan Jawatankuasa Kabinet 1979 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam bab ini, pengarang turut menghuraikan Akta Pendidikan 1996 secara ringkas dengan menyentuh isu berkaitan Sistem Pendidikan Kebangsaan, Kedudukan Bahasa Kebangsaan, Kurikulum Kebangsaan, Penilaian dan Peperiksaan dan Jemaah Nazir Sekolah. Pengarang turut menjelaskan berkaitan kuasa mengambil tindakan undang-undang dan peraturan-peraturan tambahan yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996.

Seterusnya, dalam bab dua, pengarang menjelaskan secara terperinci perkara-perkara berkaitan pentadbiran undang-undang dalam pendidikan. Dalam bab ini, pengarang mengemukakan istilah-istilah undang-undang yang berkait rapat dengan pendidikan seperti *legal literacy*, *in loco parentis* dan *TORT*. Dalam bab ini juga, pengarang menjelaskan elemen-elemen kecuaiian yang boleh menyebabkan para guru atau pentadbir sekolah disabitkan dengan undang-undang *TORT*. Selain itu, pembaca juga diberikan penerangan terperinci berkaitan konsep hak keadilan asasi dalam tadbir urus sekolah bukan hanya terhadap pelajar tetapi juga staf sekolah.

Setelah menjelaskan sedikit sebanyak perkara berkaitan perundangan, pengarang seterusnya menerangkan tentang peraturan dan perundangan disiplin di sekolah dalam bab ketiga. Bab ini membincangkan banyak perkara berkaitan dengan pengurusan disiplin pelajar dengan dimulai dengan gambaran tentang masalah disiplin di Amerika Syarikat. Ia bertujuan untuk memberitahu pembaca, bahawa masalah disiplin bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi ia adalah isu global yang dihadapi oleh pengamal pendidikan di seluruh dunia. Selain itu, bab ini turut menerangkan berkaitan pelbagai isu berkaitan disiplin termasuk cadangan mengurangkan masalah disiplin. Di akhir bab ini, pengarang turut menerangkan perkara berkaitan hukuman gantung dan buang sekolah serta peraturan sekolah yang sedang berkuatkuasa.

Sebagai penambahbaikan terhadap edisi-edisi sebelum ini, pengarang membawa pembaca untuk mengetahui serba sedikit tentang ‘Teori dan Model Pengurusan Disiplin’ dalam bab empat. Ia bertujuan untuk memberi bimbingan kepada para pendidik termasuk guru besar dan pengetua tentang model yang digunakan oleh pendidik khususnya di dunia barat. Pendekatan yang digunakan dalam model-model ini memberi kesan yang amat baik dalam pengurusan disiplin pelajar-pelajar.

Selain daripada pengurusan disiplin, pengarang turut menghuraikan perkara-perkara berkaitan prosedur dalam pengurusan kewangan dalam bab kelima. Ia merupakan perkara penting yang perlu difahami oleh semua guru dan pentadbir agar tidak terperangkap dalam kesalahan penyalahgunaan wang atau pecah amanah. Untuk tujuan itu, dalam buku ini pengarang mencadangkan lima tindakan yang boleh diambil oleh pengetua bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan sekolah.

Dalam dua bab terakhir iaitu bab enam dan tujuh, pengarang membawakan kes-kes perundangan dan tatatertib yang telah dibicarakan di mahkamah. Ia sebagai panduan dan pengajaran kepada semua guru dan pentadbir sekolah agar tidak melakukan kesalahan yang sama. Selain itu, ia juga sebagai peringatan

kepada pentadbir sekolah untuk berhati-hati dalam menguruskan kes-kes tatatertib guru agar tidak melanggar hak keadilan asasi.

Seiring dengan perkembangan semasa yang menunjukkan pelbagai kes berkaitan guru yang didakwa di mahkamah, maka buku ini sesuai dijadikan panduan dalam memastikan tindakan yang diambil oleh guru terhadap pelajar tidak menyalahi undang-undang dan tidak dapat dicabar di mahkamah. Penjelasan yang disertakan dengan contoh-contoh kes mahkamah dapat memberikan gambaran yang jelas tentang cara-cara yang betul dalam menjatuhkan sebarang hukuman dan tindakan. Justeru, buku ini sangat sesuai dijadikan bahan bacaan oleh semua pentadbir dan guru-guru di Malaysia.

MALAYONESIA (Kerdipan Bintang Melayu Di Langit Melayu)

Yunus Bin Yusof
(IPG Kampus Dato' Razali Ismail)



Pengarang : Dr. Mat Rofa bin Ismail
Penerbit : Karangkrak Sdn. Bhd.
Tahun : 2016

Buku ini perlu dibaca dan disimpan sebagai rujukan kerana ia berbeza dari buku-buku sejarah yang lain kerana penulisannya lebih berbentuk polemik, perbincangan, kupasan dan ulasan peribadi pengarang. Pengarang menulis buku ini berdasarkan karya Nadir sejarah tabii dan gaya penulisan fenomenal. Tatacara penulisan buku ini tidak mengikut kaedah penulisan sejarah moden dan ia membolehkan pembaca membuat penilaian kandungan buku ini dari aspek fakta, nilai dan kebenarannya. Banyak perkara berkaitan sejarah alam Melayu yang tidak diketahui dipaparkan di dalam buku ini. Di samping itu, pengarang juga menyatakan permasalahan yang dihadapi oleh orang Melayu dan agama Islam di nusantara yang perlu diambil iktibar dan tauladan. Buku ini juga membicarakan tentang tokoh-tokoh politik dan agama Melayu serta peranan mereka dalam membangunkan serta memajukan alam Melayu. Pengarang juga telah menyelitkan sejarah Islam Asia Barat dan pengaruh mereka dalam perkembangan syiar Islam di Nusantara.

Buku 'MALAYONESIA (Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu)' adalah merupakan kesinambungan buku yang sebelumnya iaitu 'Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki'. Buku ini ditulis dengan menggunakan serta merujuk teks manuskrip-manuskrip lama, catatan pengembaraan ilmuwan serta pengembara zaman sebelum dan selepas masihi, buku sejarah alam Melayu yang ditulis oleh bangsa barat dan buku sejarah dari bahasa Arab yang bertajuk *Ummat al-Malayu*

yang dicetak di Mesir. Karya ini disusun dan dikarang oleh Prof. Madya Dr. Mat Rofa.

Penulisan buku ini berlandaskan karya Nadir sejarah tabii iaitu yang ditulis oleh pengarang bukan Melayu pada kurun ke-20 dan merujuk kepada kajian pengajian tempatan Alam Melayu secara keseluruhannya berkaitan dengan bumi dan penduduknya. Manakala, Malayonesia pula berkaitan dengan geografi yang berkaitan dengan hal ehwal kepulauan Melayu. Bagi pembaca yang suka membaca buku sejarah, mereka akan mendapati cara penulisannya sangat berbeza kerana ia menggunakan sistem penulisan karya fenomenal iaitu gabungan teks asal yang diolah semula dengan penambahan bahan sejarah yang lain serta menggunakan manuskrip asal yang telah disalin semula dan dibincangkan secara kritis oleh pengarang.

Buku ini sangat menarik kerana pengarang cuba membawa pembaca menghayati masa lampau alam Melayu menerusi aspek geografi, kependudukan, iklim, pembinaan sesebuah empayar, bentuk pentadbiran, sejarah penjajahan dan pembebasannya, perjuangan dan suka duka masyarakat Melayu ketika itu. Malah, pengarang juga membuktikan bahawa nama Malaysia telah lama digunakan oleh orang Arab bagi menggambarkan Tanah Melayu.

Buku ini mempunyai sembilan bab yang membincangkan dengan jelas tentang sejarah alam Melayu. Bab pertama berkaitan dengan Salih Jaudat dan buku *Ummat al-Malayu* yang ditulis pada tahun 1908 oleh seorang pegawai undang-undang Mesir bernama Salih Bin Ismail Jaudat serta latar belakangnya. Buku ini terdiri daripada dua bab yang menceritakan tentang masyarakat serta negeri-negeri Melayu iaitu Legor, Reman, Senggora dan Pattani yang digambarkan menganjur ke utara sampai ke Segenting Kra. Bab ini menerangkan tentang sejarah negeri-negeri di Nusantara seperti Tanah Jawa, Filipina dan Borneo serta penglibatan mereka dengan penjajah Eropah.

‘Sejarah Alam Melayu’ diperincikan lagi dalam bab dua dengan merujuk kepada manuskrip *Tarikh Fathani* yang ditulis oleh ilmuwan Melayu Pattani pada kurun ke-15 Masihi iaitu Syekh Safiuddin. Perbincangan berkisar pada asal-usul kerajaan Pattani dan sejarah kegemilangan empayar tersebut. Pembaca pasti seronok membaca bab ini kerana Dr. Mat Rofa telah menggunakan teknik penceritaan dan ulasan dengan jayanya. Beliau telah mengulas semula apa yang ditulis oleh Salih Jaudat dalam teks *Ummat al-Malayu* dan Fatih Ali dalam teks *Tarikh Pattani* serta memberi pendapat beliau sendiri. Gaya penulisan begini sukar ditemui dalam mana-mana buku sejarah masakini.

Dalam bab tiga, pengarang telah menggunakan gaya penulisan biografi. ‘Sejarah Alam Melayu’ telah ditulis dengan menggunakan karya pengembaraan bangsa Arab dan Cina seperti biografi Rihlah Ibn Battuta, catatan Laksamana Cina Zheng He, laporan Funan Yi Wu Chih oleh Chu Ying dan laporan Wu Shih Wai Kuo Chuan oleh K’ang T’ai. Ketiga-tiga teks ini telah menggambarkan suasana alam Melayu pada ketika itu serta pengalaman mereka semasa mengembara di Tanah Melayu. Catatan pengembaraan Ibn Battuta dan pengembara Cina telah menceritakan dengan terperinci tentang keadaan masyarakat Melayu pada ketika itu dan juga tentang agama yang telah bertapak di situ. Pengarang juga menggambarkan dengan jelas tentang kewujudan kerajaan Hindu, Budha dan Islam di alam Melayu serta bagaimana undang-undang berasaskan agama dilaksanakan.

Bab empat pula, pengarang merujuk bahan penulisan sejarah Melayu oleh Alfred Wallace sebagai bahan perbandingan dengan buku *Ummat al-Malayu*. Alfred Wallace adalah seorang pengkaji sejarah alam tabii dan geografi ekologi khusus tentang etnologi kemasyarakatan, botani, zoologi dan geologi. Beliau telah mengambil masa lapan tahun untuk mengkaji dan menyelidik aspek tersebut. Dapatan itu dibukukan dan diterbitkan pada tahun 1869 bertajuk *The Malay Archipelago: The Land of the Orang Utan the Birds of Paradise*. Kandungan buku ini mempunyai banyak maklumat tentang masyarakat dan kehidupan orang Melayu dan ini telah menjadi rujukan bagi pihak penjajah untuk menguasai negeri-negeri di alam Melayu. Ini berbeza dengan Salih Jaudat yang menulis buku *Ummat al-Malayu* bagi tujuan memudahkan orang Arab mengenali tamadun bangsa Melayu dan bangsa yang seagama dengannya.

Ketamadunan alam Melayu telah banyak ditokok tambah agar ia seronok dibaca. Pengarang cuba memperkatakan tentang wujudnya budaya memalsukan fakta atau paradoks tetapi diterima sebagai benar oleh pembaca dalam bab lima. Penulisan bahan-bahan sejarah telah dipengaruhi oleh cerita-cerita berbentuk paradoks dengan secara meluasnya dan adakalanya ia menyebabkan kebenaran sejarah telah tidak lagi wujud. Dalam bab ini, pengarang membincangkan dengan meluas tentang paradoks-paradoks tersebut dan bagaimana ia mempengaruhi pembaca agar mempercayainya. Penulisan paradoksnya ini menonjolkan tentang kebodohan dan kejahilan sesuatu bangsa dan kehebatan penjajah. Penjajah telah mengarang cerita-cerita yang tidak benar tentang orang Melayu agar bangsa mereka dilihat hebat dan perlu disanjung.

Sejarah menentang penjajah banyak ditulis dalam buku-buku sejarah. Dalam bab enam ini, pengarang cuba membincangkan tentang sejarah penjajahan tersebut dengan lebih mendalam dengan menggunakan bahan-bahan penulisan oleh sejarawan-sejarawan Melayu seperti Dr. Hamka, Hasanudin Yusoff, Abdul

Razak Mahmud, Raji Haji dan lain-lain lagi. Pengarang cuba membicarakan kisah-kisah penentangan ini dengan menggunakan bahan-bahan penulisan yang tidak pernah diterbitkan atau dibenarkan dipaparkan dalam majalah, buku atau surat khabar. Pembaca akan mendapati bahawa ia amat berbeza dengan apa yang pernah dibaca sebelum ini dan kupasan kisah penentangan pembebasan alam Melayu ini melibatkan tokoh-tokoh yang dianggap pembelot oleh orang barat. Buku ini juga tidak lupa menceritakan tentang kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyah di Turki disebabkan oleh kebodohan orang Islam dan juga kerana kecerdikan orang-orang barat.

Dalam bab tujuh, pengarang membahaskan tentang peranan dua orang pengarang sejarah alam Melayu iaitu William Roff dan Peter G.Riddell serta peranan mereka dalam sejarah alam Melayu. Kedua-duanya didapati cuba mengubah sejarah ketamadunan orang Melayu dan juga perkembangan Islam di nusantara. Bab ini juga cuba membuka minda pembaca tentang peranan ahli sejarah barat dan ilmuwan Islam Asia Barat memesongkan maklumat tentang penyebaran syiar Islam dan sejarah asas ketamadunan orang Melayu yang beragama Islam. Antara tokoh tersebut adalah Snouck Hurgronje seorang berbangsa Belanda. Pengarang juga membawa pembaca membincang, membuat penilaian, mencari kejatian Melayu dan memikirkan arah tujuan bangsa Melayu itu di masa depan.

Bab lapan adalah lebih kepada perbincangan terhadap ketamadunan orang Melayu dan perkembangan agama Islam di nusantara. Pembaca perlu membacanya kerana ia merupakan satu bentuk pembentangan sejarah yang ditulis berdasarkan persoalan yang ditunjukkan oleh pengarang kepada pembaca sebelum ini setelah membaca buku 'Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki'. Pengarang telah menampilkan soalan-soalan yang kontroversi yang dipersoalkan oleh pembaca tentang kesahihan penulisan beliau, seperti benarkah Syeikh Abduh ulama tersohor di Mekah dan Syeikh Jamaluddin al-Afghani seorang sufi terlibat dan ahli Freemason. Pengarang telah membincangkan perkara itu dengan panjang lebar dan memaparkan bukti-bukti yang sahih untuk tatapan.

Perbincangan tentang sejarah Alam Melayu diperkembangkan lagi dalam bab terakhir. Pembaca dihadiahkan dengan manuskrip asal yang telah dialih bahasa dalam Bahasa Malaysia Rumi dalam bentuk lampiran untuk pembaca dan renungan. Ada tiga lampiran iaitu (i) Lampiran A – 'Teks Umat Melayu oleh Salib Jaudat', (ii) Lampiran B – 'Transliterasi Teks Tarikh Fatani oleh Maulana Syeikh Faqih Ali Bin Muhammad Bin Safiyuddin al-Fatani Radiallah 'Anhu' dan (iii) Lampiran C – 'Tawarikh Raja Kota Patani oleh Haji Abdul Rauf bin Muhamad Dagang Agung'. Ini adalah kali pertama manuskrip ini dibukukan untuk dibaca tanpa diolah dan diubah isi kandungannya.

Improve Your Communication Skills

Dr. Sarala@Thulasi a/p Palpanadan
(IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor)



Pengarang : Alan Barker

Penerbit : Kogan Page

Tahun : 2011

Buku yang bertajuk '*Improve Your Communication Skills*' (Perbaiki Kemahiran Komunikasi Anda) merupakan karya penulisan Alan Barker. Pengarang memberikan rasional untuk menulis buku ini bahawa pengurusan hari ini bukan lagi satu perkara yang perlu diarah dan dikawal. Sebaliknya, ia bergantung kepada cara berkomunikasi yang berkesan mengenai apa yang orang lain perlu tahu dan lakukan. Pengarang seterusnya berbincang bahawa pada masa kini, organisasi telah menjadi Jaringan Perbualan (*Networks of Conversation*) dan kualiti kerja bergantung kepada kualiti komunikasi. Buku ini cuba menjawab dua persoalan. Pertama, bagaimana kita boleh berkomunikasi dengan lebih berkesan dan kedua, bagaimana kita boleh meningkatkan kualiti perbualan secara maksima.

Buku ini mengandungi sembilan bab secara keseluruhannya. Dalam bab satu, pengarang membincangkan dua model komunikasi iaitu model penyampaian (*transmission model*) dan model kontekstual (*contextual model*). Di bawah model penyampaian, komunikasi dianggap sebagai satu tindakan menghantar dan menerima maklumat. Pengarang menerangkan bahawa model ini adalah pasif dan kurang berkesan kerana komunikasi adalah dianggap sebagai satu proses teknikal. Walaubagaimanapun, di bawah model konteks, komunikasi dianggap sebagai suatu proses yang mewujudkan persefahaman bersama. Pengarang menyokong model ini kerana ia lebih interaktif, aktif dan dibina di atas hubungan dua hala. Berdasarkan model ini, pengarang percaya bahawa komunikasi berlaku dalam tiga peringkat: (i) tindakan, (ii) maklumat dan (iii) hubungan.

Dalam bab dua, pengarang menggariskan tentang cara-cara perbualan berfungsi. Pengarang turut menjelaskan empat dimensi perbualan: konteks, hubungan, struktur dan tingkah laku. Pengarang juga membincangkan bagaimana dan mengapa komunikasi gagal dan bagaimana kita boleh mula untuk memperbaiki perbualan kami.

Dalam bab tiga, pengarang juga membentangkan model perbualan berkesan. Pengarang menjelaskan tujuh cara untuk meningkatkan perbualan: (i) penjelasan objektif, (ii) pemikiran berstruktur, masa mengurus, mencari kebaikan bersama, bertindak di luar hujah, ringkasan maklumat dan menggunakan visual.

Dalam bab empat, pengarang menerangkan tentang kepentingan mendengar dalam perbualan. Pengarang berpendapat bahawa kualiti perbualan bergantung kepada kualiti mendengar. Pengarang meringkaskan kemahiran mendengar sebagai: memberi perhatian, menganggap penceramah sebagai sama, memupuk mudah, menggalakkan, bertanya soalan yang berkualiti, catuan maklumat dan memberi maklum balas positif.

Dalam bab lima, pengarang menyebut tentang pujukan sebagai salah satu elemen penting dalam perbualan dan alat yang berkesan dalam pengurusan. Pengarang percaya bahawa masa untuk 'Memberitahu Orang Apa yang Perlu Lakukan' (*Telling People What to Do*) telah lama berlalu dan kini telah tiba masa untuk 'Menjual Idea' (*Selling Ideas*). Pengarang menegaskan bahawa kunci kepada kejayaan dalam komunikasi bukan hanya semata-mata bergantung kepada penguasaan idea tetapi juga pada cara penyampaian idea kerana menurut beliau idea adalah sumber komunikasi.

Dalam bab enam, pengarang menjelaskan tentang perbualan formal yang berkesan yang juga dikenali sebagai temuduga. Pengarang menganggap mengadakan temuduga yang berkesan sebagai salah satu kemahiran pengurusan penting. Pengarang memberi petunjuk kepada pengurus dan pihak pentadbir tentang cara-cara menyediakan, menstruktur dan menjalankan temuduga yang berkesan.

Dalam bab tujuh, pengarang membincangkan tentang melakukan pembentangan secara efektif. Pengarang percaya bahawa ramai orang mempunyai idea dan pengetahuan yang luas tetapi mereka tidak dapat meluahkannya dengan berkesan kerana takut, fobia atau beberapa sebab yang lain, mereka tidak boleh bergerak untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan mereka disebabkan halangan ini. Pengarang turut membincangkan jenis masalah sosial atau fizikal yang dihadapi oleh orang yang memberi kesan kepada prestasi pembentangan mereka.

Dalam bab lapan pengarang menjelaskan tentang cara-cara menulis idea dengan jelas. Pengarang berhujah bahawa seseorang pengurus perlu menjadi pengarang berkesan kerana penulisan membawa keputusan muktamad. Pengarang juga menerangkan cara yang berbeza untuk meningkatkan kualiti penulisan sebagai satu bentuk komunikasi. Pengarang juga menerangkan peringkat penulisan yang berkesan seperti orientasi matlamat, analisis pembaca, mencipta mesej, menyusun maklumat dan membina garis panduan.


Dalam bab sembilan, pengarang bercerita tentang rangkaian perbualan baru. Dalam bab ini, pengarang menerangkan kepentingan rangkaian kerana komunikasi bermakna mengadakan interaksi dengan orang lain di mana tanpa orang lain matlamat organisasi tidak dapat dicapai. Pengarang juga membincangkan cara-cara mewujudkan rangkaian yang berkesan dan strategi untuk membentuk rangkaian yang bermakna dan berguna bagi orang lain. Pengarang juga menggunakan contoh dan tips daripada pelbagai teks untuk membangunkan rangkaian berkualiti untuk mencapai matlamat yang sama.

Pengarang menggunakan bahasa yang mudah dan jelas yang tidak menyukarkan pembaca membaca dan memahami idea. Banyak contoh teks menarik telah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk menjelaskan konsep yang merupakan salah satu keunikan buku ini. Bagi memudahkan pemahaman, pengarang telah menggunakan gambar rajah dan angka untuk memberikan impak yang lebih baik dan jelas kepada pembaca untuk memahami isu yang dibincangkan. Buku ini wajar dibaca oleh setiap orang dalam sesuatu organisasi khususnya warga pendidik. Ini kerana buku ini menerangkan kepentingan komunikasi yang efektif dan menyatakan cara-cara untuk melakukan komunikasi berkesan. Setelah membaca buku ini, kita akan sedar bahawa komunikasi bukan hanya bertutur kepada pihak lain semata-mata tetapi juga merupakan suatu proses penyampaian maklumat. Sesiapa yang berkomunikasi perlu sedar bahawa mereka memegang amanah untuk memastikan penyampaian maklumat telah dilakukan dengan begitu mantap sekali. Secara tidak langsung, kita perlu peka dengan apa yang hendak disampaikan kepada pihak lain sebelum, semasa dan selepas proses komunikasi berlangsung. Akhir kata, semua idea dan konsep yang dikongsi di dalam buku ini adalah seperti yang dinyatakan dalam urutan logik. Keharmonian antara bab dari segi integrasi idea dan pengetahuan juga amat jelas di antara sembilan bab yang ditulis di dalam buku ini. Syabas diucapkan kepada pengarang ini.

Di atas dasar ini, pengulas amat mencadangkan buku ini untuk pihak pengurus, pentadbir, guru dan pelajar sebagai sumber teori dan konsep bagi memantapkan kemahiran komunikasi yang dianggap sebagai salah satu daripada kemahiran di atas abad ke-21 yang paling profesional.

Learning To Think Spatially

Dr. Abdullah bin Abdul Rahman
(IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor)



Pengarang : National Research Council of The
National Academies

Penerbit : The National Academies Press

Tahun : 2006

Berdasarkan pembacaan sebelum ini yang berkaitan dengan kebolehan ruang, telah timbul beberapa persoalan oleh pengulas tentang aktiviti dan pengalaman yang boleh menyumbang kepada peningkatan kebolehan ruang (*spatial*) seseorang. Buku ini telah berjaya memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan pengulas. Di antara aktiviti yang dapat meningkatkan kebolehan ruang termasuklah pengalaman bermain muzik, pekerjaan seni reka, bermain dengan mainan seperti *Lego*, *Lincoln Logs* dan *Erectorsets*, binaan berbentuk geometri, latihan vokasional, pengalaman bekerja dan penglibatan dalam sukan tertentu.

Menurut pengarang, kebolehan ruang juga berkait rapat dengan keupayaan visualisasi serta turut menyumbang kepada pencapaian dan penguasaan kemahiran psikomotor. Sebagai contoh, seorang doktor gigi perlu menguasai kemahiran tertentu untuk menampal kerosakan gigi di rahang sebelah atas pesakit dengan melihat melalui cermin. Perspektif tiga dimensi (3D) dan kedalaman persepsi adalah perlu untuk melaksanakan tugas tersebut.

Begitu juga, sekiranya sesuatu teknologi ingin dipelajari, keperluan kepada kebolehan membayangkan secara bergambar, lakaran dan ilustrasi akan lebih mudah difahami dengan membuat projek atau melakukan *hands-on*. Sementara itu, bagi pelajar yang mempunyai tahap kognitif yang rendah, kebolehan membina dan kemahiran pertukangan perlu dilatih kerana sesuatu gambaran mental dari segi penciptaan adalah dalam bentuk gambar. Hal ini akan dapat menjadi tambah nilai bagi seseorang pelajar terutama mereka yang mempunyai tahap kognitif yang

rendah. Selain daripada itu, sekiranya seseorang itu ingin mendapatkan semula atau memindahkan teknologi tersebut, dia perlu membuat lakaran dan penerangan dalam bentuk teks, melabel dan melukis gambaran secara dua dimensi (2D) serta tiga dimensi (3D) dengan bantuan orang yang lebih tinggi daya imajinasinya.

Pengarang buku ini telah mendefinisikan kebolehan ruang (SA) sebagai suatu kebolehan melihat corak ruang atau melakukan orientasi terutama berkaitan objek dalam sesuatu ruang. Kebolehan ruang (SA) merupakan salah satu komponen kecerdasan pelbagai. Terdapat tiga faktor utama dalam kebolehan ruang iaitu (i) hubungan ruang (SR), (ii) penetapan ruang (SO), dan (iii) pembayangan (*visualization-VZ*).

Manakala, kebolehan pembayangan minda secara ruang (SV-A) pula adalah proses manipulasi minda ke atas maklumat berbentuk ruang untuk mengenal pasti bagaimana sesuatu susunan rajah yang beruang akan terhasil jika susunan rajah tersebut diputarkan, dilipatkan, diubah kedudukan atau diubah rupa bentuk. Kebolehan untuk membayang (VZ) adalah kebolehan memanipulasi dan merubah bentuk objek secara ruang dalam susunan lain dan ianya memerlukan objek distruktur secara komponen dalam minda.

Buku ini berjaya menerangkan bagaimana berfikir dalam ruang dapat digunakan dalam kehidupan seharian terutama berkaitan lokasi, jarak, arah, bentuk dan perspektif. Pemikiran dalam ruang juga berupaya menyelesaikan masalah mengurus, memindah dan menganalisa data yang kompleks. Ini adalah suatu kemahiran yang amat berguna. Oleh itu, amat digalakkan kepada guru-guru untuk mendedahkan kemahiran ini kepada para pelajar bagi persediaan kepada mereka untuk menceburi pelbagai bidang kerjaya dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, kebanyakan bidang kerjaya masa kini memerlukan kemahiran ruang terutama bagi bidang sains dan kejuruteraan.

Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan pengulas, belum ada suatu komponen kemahiran ruang atau kebolehan ruang dilakukan dalam proses pendidikan kemahiran di Malaysia terutama di peringkat pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah sama ada ditahap I atau tahap II atau sekolah menengah untuk memperkasakan kreativiti dan inovasi. Oleh itu, pengulas mencadangkan agar pelajar perlu dididik dengan berfikir secara ruang (*Learning To Think Spatially*).

Kembara Ke Angkasa: Catatan Memoir Angkasawan Malaysia Pertama

Pn. Zainab binti Abd. Majid dan
Cik Nor Sabrina Zulaika binti Abdul Malik
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang : Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor
Penerbit : Angkasawan Communication
Sdn. Bhd.
Tahun : 2014

Buku setebal 304 muka surat dan dibahagikan kepada 17 bab ini bermula dengan catatan imbasan kembali Sheikh Muszaphar di zaman kanak-kanak dan yang mula menjadikan bidang kedoktoran sebagai cita-citanya di usia 10 tahun serta menanam semangat untuk menjadi seorang angkasawan selepas menonton filem *Star Wars*. Dalam buku ini, disertakan banyak gambar berwarna yang menarik, Sheikh Muszaphar kemudiannya telah berkongsi cerita bagaimana beliau mula mendaftarkan diri dengan mengisi borang permohonan dari Agensi Ruang Angkasa Negara secara atas talian dan beliau merupakan orang yang ke 4,235 menghantar permohonan tersebut sebelum disenarai pendek hingga berjaya menjadi angkasawan pertama negara. Pembaca turut diajak oleh pengarang untuk mengetahui detik-detik perjalanan yang harus dilalui oleh beliau sebelum terpilih menjadi angkasawan dengan menghadiri dan perlu melepasi beberapa saringan dan ujian yang sukar dan memerlukan komitmen dan fokus yang sepenuhnya. Ini termasuklah menceritakan kembali pengalaman beliau semasa menjalani latihan di Star City, Moscow, Russia bermula 9 Oktober 2006 dengan menjalani ujian kesihatan, kecergasan serta menjalani latihan simulasi menaiki SOYUZ dan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Satu catatan peristiwa menarik yang tidak dapat dilupakan oleh pengarang dalam buku ini adalah bagaimana beliau hampir gagal untuk ke ISS selepas menjalani latihan terakhir di Star City. Kejadian itu berlaku tiga hari sebelum beliau pulang ke Malaysia untuk berehat kerana didapati memiliki dokumen larangan iaitu memiliki maklumat mengenai SOYUZ.

Walaubagaimanapun, isu tersebut dapat ditangani dan diatasi yang akhirnya membolehkan beliau pergi ke ISS.

Tema buku ini ialah gambaran perjalanan seorang anak muda yang gigih berusaha sebermula pada hari pertama beliau dipilih menyertai Program Angkasawan Malaysia. Rintangan dan cabaran yang dihadapi oleh beliau semasa kecil, dijadikan sebagai pemangkin mengejar cita-cita untuk menjadi seorang doktor. Bagi beliau, profesion seorang doktor merupakan satu bidang yang terbaik di dunia kerana memberi kepuasan kerja yang amat bermakna.

Sesebuah bahan bacaan sama ada novel, buku, cerpen, artikel dan sebagainya pastinya terdapat beberapa kekuatan yang menjadikan sesebuah bahan bacaan tersebut menarik. Antara kekuatan buku ini ialah penggunaan ilustrasi buku yang baik. Pada muka hadapan buku tersebut, latar belakangnya adalah seolah-olah pengarang sedang berada di angkasa. Hal ini secara langsung menarik perhatian pembaca atau pembeli untuk membaca buku tersebut. Pada setiap bab buku ini, terdapat banyak gambar-gambar yang menarik. Penggunaan gambar dapat mewujudkan satu keinginan untuk pembaca menelaah buku ini. Tambahan pula, pengarang akan meletakkan catatan pada setiap gambar yang beliau sertakan. Hal ini bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang kisah bagi setiap gambar tersebut.

Seterusnya, judul buku ini yang menarik juga merupakan salah satu faktor kekuatan buku ini. Judul buku ini iaitu 'Kembara Ke Angkasa' memberi satu tanggapan terhadap pembeli bahawa pasti ada kisah atau perjalanan pengarang yang bakal dirungkaikan dalam buku setebal 304 muka surat ini. Perkataan kembara yang membawa masuk meneroka atau memasuki sesuatu kawasan yang mencabar serta menghadapi beberapa rintangan sebelum mencapai sesuatu hasil.

Selain itu, penggunaan bahasanya yang mudah difahami juga merupakan salah satu faktor kekuatan buku ini. Bahasa pengarang dalam buku ini ialah bahasa yang komunikatif sehingga mudah difahami oleh pembaca atau dengan kata lain pesanan yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat difahami secara langsung oleh pembaca. Dilihat dari segi gaya bahasa yang digunakan pengarang ialah sederhana, akan tetapi menarik perhatian pembaca. Kata-kata dalam perenggan disusun secara baik sehingga mudah difahami.

Di samping itu, buku ini turut menggunakan font tulisan yang sesuai. Pada bahagian tajuk utama, pengarang akan menuliskannya dalam font yang besar daripada fon isi yang akan disampaikan. Hal ini bagi mengelakkan kekeliruan pembaca apabila mereka membaca buku ini. Malahan pula, font tulisan bagi setiap isi bagi tajuk juga sangat bersesuaian di mana tulisannya tidak terlalu besar dan tidak

terlalu kecil. Oleh itu, buku ini amat sesuai dibaca pada peringkat umur sama ada kanak-kanak, remaja, mahupun orang tua.

Di samping itu, buku ini turut memberi banyak pengajaran dan mesej yang baik untuk diamalkan dalam kehidupan seharian manusia. Buku ini banyak memuatkan tentang kisah perjalanan seorang pemuda yang gigih dan tidak pernah mengenal erti putus asa merupakan mesej utama yang menjadikan bahan bacaan ini harus dimiliki oleh semua orang. Pembaca juga turut dapat menjadikan buku ini sebagai inspirasi untuk berjaya seperti pengarang.

Seterusnya, pada bahagian belakang buku ini juga terdapat sinopsis. Sinopsis adalah amat penting bagi pembaca mendapat gambaran awal mengenai keseluruhan topik yang akan dibincangkan. Kata-kata tokoh seperti Tun Mahathir Mohamad, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Dato' Seri Jamaludin Jarjis dan Profesor Datuk Dr. Mazlan Othman yang masing-masing mempunyai pengaruhnya yang sendiri menguatkan lagi buku ini mengenai bidang angkasawan.

Organisasi buku juga sangat teratur. Pengarang merungkaikan kisah hidupnya bab demi bab bermulanya kehidupan beliau sebagai seorang kanak-kanak, remaja dan dewasa. Pengalaman-pengalaman yang diceritakan juga sangat menarik. Dalam buku ini, antara satu peristiwa dengan peristiwa lainnya terdapat perkaitan antara perenggan demi perenggan dan bab demi bab mempunyai wacana yang baik sehingga mampu menarik pembaca.

Sesuatu penulisan pastinya tidak akan terlepas dari kelemahan. Namun, skop kelemahannya adalah kecil berbanding kekuatan yang terdapat dalam buku ini. Antaranya ialah ayat yang panjang dimuatkan dalam satu perenggan sehingga membuatkan pembaca kurang memahami isi yang disampaikan serta tidak dapat menggarap isi-isi penting.

Seterusnya, kelemahan yang lain ialah buku ini terdapat banyak penggunaan kosa kata saintifik. Sebagai contohnya, Twisting orbital Platform-TOP, EVA, ORLAN, ESA Kolumbus dan sebagainya. Malah, tidak terdapat glosari iaitu maksud bagi setiap kata saintifik yang dinyatakan. Sekiranya terdapat glosari, pembaca akan mudah untuk membuat rujukan secara terus. Hal ini meyebabkan pembaca tertanya-tertanya tentang maksud kata saintifik tersebut.

Selain itu, terdapat juga kesalahan tatabahasa dan ejaan. Terdapat beberapa ayat yang penggunaan ejaan dan bahasanya salah. Sebagai contohnya, ayat yang tergantung, penggunaan kata hubung yang salah dan susunan ayat yang kurang gramatis. Perkara seperti ini dapat dielakkan dengan cara melakukan penyemakan

semula daripada pihak-pihak yang pakar dalam bidang bahasa. Hal ini kerana bahasa merupakan lambang identiti negara. Oleh itu, bahasa yang betul dapat mencerminkan kekayaan sesebuah negara di mata masyarakat luar.

Buku ini sesuai dibaca kerana di dalamnya memuatkan ilmu pendidikan, pendekatan yang menarik terhadap semua jenis golongan dan semestinya banyak mesej yang dapat diteladani dan diikuti dalam kehidupan seharian manusia. Harga bukunya yang murah dan berpatutan di samping ilmu yang bakal diperoleh sudah pastinya memberi ganjaran yang berlipat ganda kepada diri pembaca.



Penerbit IPG KPM

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 1-3, blok 2250,
Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya